



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 3881]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 3882]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3883]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 3935]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEK YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
 DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
 „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
 „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
 „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
 „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
 „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
 „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
 „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
 „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
 „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
 „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
 „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
 „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
 „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
 „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
 „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
 „ TUAN MOHD. YUSOFF *alios* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
 „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
 „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
 „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
 „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
 „ TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
 „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
 „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
 „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
 „ TUAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
 „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
 „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD (Dilantik).
 „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
 „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
 „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

„ TUAN D..P. VIJANDRAN (Dilantik).

TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 9hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang Dipertua mem-
perkerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUA

Perutusan daripada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut,

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"6hb Disember, 1985.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1986;
2. Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);

5. Rang Undang-undang Dagangan Komoditi; dan

6. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan).

Yang ikhlas,

t. t.

YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1986;
2. Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
5. Rang Undang-undang Dagangan Komoditi; dan
6. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, pertanyaan No. 1.

ASEAN—KERJASAMA EKONOMI

1. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah keadaan atau status kerjasama ekonomi di antara Negara-negara ASEAN setakat dan selama ini; adakah pihak Kerajaan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan kerjasama ini; walaupun setakat ini kesannya tidak menggalakkan, atau adakah pihak Kerajaan lebih berminat bekerjasama secara dua hala.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum kerjasama ekonomi ASEAN masih lagi boleh dipertingkatkan jika dibandingkan dengan kerjasama politik yang hingga kini adalah lebih memuaskan. Kelemahan ini dapat dinyatakan daripada angka-angka mengenai pertumbuhan perdagangan di antara negara-negara anggota ASEAN. Kenaikan perdagangan antara negara-negara ASEAN dalam jangka masa 10 tahun yang lampau hanyalah meningkat daripada 15% hingga ke 25% dari jumlah perdagangan luar negara-negara tersebut. Kerajaan-kerajaan negara-negara anggota ASEAN memanglah terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi kerjasama yang agak lembab ini dengan membincangkan secara khususnya di Mesyuarat-mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN

cara-cara, dasar-dasar dan pendekatan baru yang lebih berkesan untuk mencapai kerjasama ekonomi yang lebih memuaskan.

Misalnya, berikutan dengan arahan-arahan yang telah diputuskan di Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada bulan Februari yang lalu di Kuala Lumpur, kajian sedang dijalankan untuk menyesuaikan semula pembahagian Jawatankuasa-jawatankuasa Ekonomi ASEAN demi mencapai kerjasama ekonomi yang lebih erat. Kajian ini adalah diharapkan siap dan dikemukakan bagi rumusan di Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang akan datang di Manila dalam tahun 1986.

Kita juga sedia maklum bahawa dalam keadaan ekonomi dunia yang sedang menghadapi kemerosotan yang paling teruk semenjak kemerosotan tahun 30an dahulu, kemajuan kerjasama ekonomi ASEAN yang kita harapkan bersama itu tentulah terhad dan sedikit sebanyak terjejas.

Walaupun seperti yang dinyatakan bahawa kerjasama ekonomi berbagai hala di peringkat ASEAN belum lagi memuaskan, ini tidaklah sekali-kali bermakna bahawa Kerajaan kita sekarang memberi tekanan yang lebih dalam kerjasama ekonomi dua hala. Pada hemat saya, kedua-duanya adalah diberi tekanan yang sama. Kerjasama ekonomi dua hala dan kerjasama ekonomi berbagai hala bukanlah satu proses yang terpisah, malahan kedua-dua proses ini saling berkait dan membawa kesan yang lebih bermakna, terutama sekali dalam keadaan perhubungan antarabangsa di zaman moden ini yang mementingkan "inter-dependence".

PEKERJA KILANG— PEMBERHENTIAN

2. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar

berlakunya pembuangan pekerja-pekerja kilang sekarang ini dan jika ya, adakah Kerajaan telah menjalankan siasatan sebab-sebab berlaku kejadian ini; jika sudah disiasat, apakah sebab-sebabnya dan nyatakan faedah yang diperolehi para pekerja yang terlibat; nyatakan juga peranan Kerajaan dalam menyelesaikan keadaan ini supaya tidak berterusan dan berapa jumlah pekerja kilang semuanya mengikut jantina.

17-12-85

28. Puan Lim Sean Lean minta Menteri Buruh menyatakan memandangkan kemelesetan ekonomi dunia hari ini, berapakah kilang dan industri telah ditutup, dan berapakah pekerja telah dibuang kerja, dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah yang serius ini, sila butirkan jenis perkilangan yang terlibat dalam keadaan ini.

20-12-85

24. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Buruh menyatakan mengapa banyak kilang-kilang di akhir-akhir ini memberhentikan pekerja mereka dengan alasan kemerosotan ekonomi, apakah tindakan yang diambil supaya mereka boleh hidup berdikari atau mendapat pencarian hidup yang lain.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Lim Sean Lean untuk dijawab pada 17hb Disember dan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah untuk dijawab pada 20hb Disember ini yang mana ketiga-tiga soalan itu adalah hampir-hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk William Lye Chee Hien: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dari bulan Januari hingga bulan Oktober, tahun ini Kementerian saya menerima laporan bahawa sebanyak 57 pertubuhan majikan dari 6 sektor perusahaan telah memberhentikan seramai 5,860 orang pekerja. Dari angka-angka itu, sebanyak 43 majikan adalah dari sektor perkilangan yang mana telah memberhentikan seramai 5,574 orang pekerja, daripada jumlah ini pula seramai 3,640 adalah wanita dan seramai 1,934 lelaki.

Dalam sektor perkilangan ini juga, perusahaan barang-barang logam, alat-alat jentera dan barang kelengkapan termasuk kilang-kilang elektronik merupakan yang teruk, terjejas di mana melibatkan 14 buah kilang dan seramai 2,859 pekerja. Ini diikuti oleh perusahaan-perusahaan tekstil, pakaian dan kulit di mana melibatkan 10 buah kilang dan 1,246 pekerja.

Kilang-kilang yang memberhentikan pekerja itu adalah akibat kemelesetan ekonomi dunia yang menyebabkan kilang-kilang itu menghadapi susutan pasaran barangan mereka ataupun menyebabkan mereka tidak mampu untuk terus bersaing dalam pasaran yang kini terhad. Keadaan ini dialami terutamanya di kalangan kilang-kilang yang bergantung kepada pasaran luar negeri yang mana sedang menghadapi berbagai tekanan. Akibatnya mereka mengalami kerugian dan tindakan memberhentikan sebahagian dari pekerja-pekerja mereka adalah untuk mengurangkan kos atau perbelanjaan bagi mengelakkan dari terus mengalami kerugian,

Tuan Yang di-Pertua, bagi raengatasi masalah ini, Kementerian saya senantiasa merayu kepada para majikan dari semasa ke semasa supaya mencuba sedaya-upayanya

mengelakkan daripada memberhentikan pekerja tetapi hendaklah mengambil lain-lain langkah sementara seperti mengurangkan bilangan hari bekerja atau mengurangkan waktu bekerja. Kementerian saya juga menyiasat terlebih dahulu bagi memastikan bahawa hanya kilang-kilang yang benar-benar mengalami masalah atau kerugian akibat dari kemelesetan ekonomi sahaja yang dibenarkan memberhentikan pekerja dan seterusnya memastikan bahawa pekerja yang diberhentikan akan dibayar pampasan yang secukupnya.

Kementerian saya juga memastikan bahawa memberhentikan pekerja adalah mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang dan pihak majikan mematuhi perkara-perkara berikut:

- (1) Membayar faedah berhenti kerja kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 12 bulan secara terus-menerus dengan majikan yang sama.
- (2) Memberi notis teratur atau gaji ganti notis apabila memberhentikan pekerja.
- (3) Membayar gaji kepada pekerja-pekerja sebagai ganti cuti tahunan yang tidak diberikan.

Jika sekiranya pekerja-pekerja tidak diberikan faedah-faedah yang mereka patut menerima mengikut undang-undang, pegawai-pegawai buruh dari Kementerian saya sedia membantu mereka mendapat faedah-faedah itu daripada majikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Rakyat sedang berusaha menggalakkan mereka yang diberhentikan kerja ini supaya mendaftarkan diri di Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat bagi membantu

mereka dalam mencari pekerjaan lain yang sesuai mengikut peluang-peluang yang ada. Adalah diharapkan mereka pula tidak terlalu memilih pekerjaan. Dalam hubungan ini, kerjasama pihak majikan dalam memberitahu peluang-peluang pekerjaan kepada Jabatan Tenaga Rakyat akan memastikan lagi pendapatan pekerja-pekerja itu.

Selain daripada itu, pekerja-pekerja yang diberhentikan jika berminat serta mempunyai kelayakan-kelayakan yang diperlukan boleh memohon menyertai berbagai latihan kemahiran yang dijalankan oleh berbagai institusi Kerajaan. Dengan ini mereka akan dapat meluaskan peluang untuk mencari pekerjaan lain ataupun sebagai langkah awal untuk berdikari dengan memiliki sesuatu kemahiran. Dalam pada itu, Kerajaan senantiasa mempergiatkan usaha-usaha bagi menambahkan peluang-peluang pekerjaan iaitu dengan menarik pelabur-pelabur asing untuk membuka perusahaan di negara ini di samping menggalakkan pembangunan industri-industri tempatan. Bagi tahun 1984, usaha ini telah menghasilkan sebanyak 62,413 peluang-peluang pekerjaan dan sehingga bulan Julai tahun ini peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan ialah sebanyak 37,750. Usaha untuk membuka rancangan-rancangan tanah baru dan pembesaran sektor perladangan yang ada juga akan membantu pekerja-pekerja yang terlibat itu.

Akhir sekali saya ingin menyeru kepada pekerja-pekerja yang berkenaan supaya jangan hanya memberi tumpuan kepada peluang-peluang pekerjaan sahaja sebagai sumber pendapatan. Mereka harus juga mencuba berniaga dengan bermula secara kecil-kecilan dan berkembang setelah memperolehi pengalaman. Mereka boleh mendapatkan bantuan dari segi nasihat, latihan dan pinjaman kewangan daripada beberapa

organisasi yang wujud untuk memulakan perniagaan itu.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa ramai pekerja-pekerja kilang warganegara Malaysia yang telah kehilangan kerja-kerja di Singapura dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mencari pekerjaan bagi mereka. Kita orang Johor, selalu kita dengar orang tak dapat kerja atau sudah hilang kerja di Singapura dan ada juga hari-hari, dengan izin, petty theft dan juga theft besar; kedua-duanya berlaku di negeri Johor, khususnya di Johor Bahru. Apakah tindakan Kerajaan sudah ambil untuk menghapuskan perkara ini?

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura itu tidaklah diwajibkan untuk melaporkan sebelum mereka itu pergi ke Singapura dan bekerja. Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak ada apa-apa rekod. Bagaimanapun, seperti saya telah jawab di soalan asal ini, kami merayu kepada semua pekerja-pekerja yang telah berhenti kerja walaupun di negara ini atau pulang dari luar negeri mendaftarkan diri di Pejabat Tenaga Rakyat yang ada di Johor Bahru dan di 52 tempat yang lain di negara ini supaya Jabatan-jabatan Tenaga Rakyat ini bolehlah mencari pekerjaan yang sesuai untuk mereka itu.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi daripada 5,574 pekerja kilang yang diberhentikan kerja 3,000 pekerja adalah daripada kalangan wanita. Maka tepatlah dengan kata-kata bahawa wanita adalah jenis manusia yang "last hired and first fired", dengan izin.

Sebentar tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada peluang untuk mendapat latihan semula. Saya ingin menanya dalam Dewan ini supaya beliau dapat memberi jawapan terperinci, bagaimanakah dan apakah peruntukan, apakah jenis institusi-institusi yang sedia ada di negara kita ini untuk melatih semula pekerja-pekerja wanita yang diberhentikan kerja itu kerana kita sedia maklum bahawa pekerja-pekerja wanita ini datangnya daripada luar bandar pada tahun 1970an dahulu dan besar kemungkinan mereka tidak akan balik ke kampung. Oleh yang demikian, kalau sekiranya tidak ada peluang latihan untuk mendapat kemahiran, besar kemungkinan mereka ini akan terdedah kepada banyak jenis masalah di sektor bandar ini.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama Yang Berhormat itu, memang Kementerian saya mengamalkan satu praktis seperti Yang Berhormat katakan itu di mana tempat pekerja yang diberhentikan kerja itu mengikuti prinsip itu, iaitu sesiapa yang datang kemudian keluar dahulu, atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, last come, first out.

Bagi menjawab soalan kedua Yang Berhormat itu, saya fikir tidak payah untuk saya berikan satu senarai institusi-institusi yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang untuk memberi kemahiran rakyat kami oleh kerana memang ada senarai itu dalam buku Laporan Ekonomi dan juga di buku-buku Belanjawan yang sudahpun dibentangkan di Dewan ini. Yang mana saya dapat menjawab sedikit ialah di bawah Kementerian saya ada 5 institusi-institusi perindustrian dan di bawah Kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan MARA semua telah pun ada pejabat di bawah Kementerian iaitu institusi-institusi perindustrian dan diberikan

latihan mengikut senarai tertentu. Saya harap Yang Berhormat itu bolehlah dapat senarai itu dalam buku yang sedang ada di Dewan ini.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri meragui bahawa pemberhentian pekerja-pekerja oleh majikan-majikan ini akan terus-menerus berlaku lagi di masa hadapan?

Kedua, jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, di antara yang diberhentikan kerja ialah pekerja-pekerja daripada bidang textile, dengan izin, bidang pakaian. Apakah ini berpunca daripada implikasi disebabkan penibahan dasar Amerika Syarikat di dalam masalah textile kepada negara-negara Asia Timur Jauh ini,

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Yang Berhormat kedua itu sudah keluar daripada soalan asal, saya minta notis. Yang pertama itu, apa yang kami buat pada masa sekarang ini adalah apa yang saya katakan di jawapan asal saya. Kami cuma berharap sahaja dan merayu kepada majikan itu supaya tidak tutup kilang-kilang mereka itu dengan sebab cuma satu amalan seperti kemelesetan ekonomi.

Selain daripada itu, kami harap supaya mereka itu bolehlah disambungkan perniagaan mereka dan Kementerian saya tentukan dari masa ke semasa seperti menghantar pegawai-pegawai buruh siasat kilang-kilang tertentu atau peniaga tertentu supaya dapat tahu keadaan-keadaan ekonomi dari syarikat-syarikat seperti yang berkenaan itu supaya mereka itu tidaklah dapat memberi apa alasan yang sia-sia dengan sahaja.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Soalan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak terkeluar daripada soalan asal. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan berbagai-bagai nasihat telah diberikan kepada yang telah dibuang kerja, saya sangat bersetuju itu. Tetapi dalam pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau setakat nasihat sahaja ataupun setakat untuk menjawab dalam Dewan ini sahaja untuk melepas batuk di tangga tidak mencukupi. Jadi, soalan saya pendek sahaja. Setakat ini berapa ramaikah mereka yang telah mendapat nasihat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri diambil bekerja semula?

Datuk William Lee Chye Hien: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat itu minta satu angka yang tertentu, saya fikir, saya ingat minta notislah. Bagaimanapun memang kami ada memberi nasihat-nasihat itu dan angka itu sebenarnya lebih beberapa ratus ribu. Oleh kerana kami ada 52 buah Jabatan Tenaga Rakyat di seluruh negara dan pegawai-pegawai dari pejabat-pejabat itu senantiasa keluar melawat ke kampung-kampung, tempat pekerjaan dan sekolah-sekolah supaya memberi nasihat seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 3.

PENYELUDUPAN GADIS THAI KE MALAYSIA

3. Datuk Ishak bin Abdul Rahman (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar yang penyeludupan gadis-gadis Thai ke negara kita sedang giat berlaku sekarang. Jika benar, sehingga hari ini berapa ramaikah gadis-gadis yang diseludup itu dapat dikesan atau ditangkap.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Dalam Negeri masih belum mengesan penyeludupan gadis-gadis Thai ke negara ini. Walau bagaimanapun. Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengadakan kawalan ketat di semua pintu-pintu masuk rasmi ke negara ini bagi mencegah kejadian seperti ini.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tak ada angin, takkan pokok bergoyang, kata orang. Kenapa Kementerian tidak hendak kesan perkara ini yang telah menjadi heboh kepada negara. Saya harap dapat jawapan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah jelaskan dalam jawapan saya, setakat ini Kementerian Dalam Negeri masih belum mengesan penyeludupan gadis-gadis Thai ke negara ini. Walau bagaimanapun terdapat gadis-gadis Thai yang memasuki negara ini secara sah dengan menggunakan dokumen-dokumen perjalanan yang sah memasuki negara ini dan selepas memasuki negara ini melibatkan diri mereka dalam kegiatan maksiat. Jadi pihak Polis dan Imigresen telah bertindak dari masa ke semasa. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, dari Januari 30hb hingga November tahun ini seramai 489 orang gadis-gadis Thai yang telah ditangkap kerana menyalahi syarat pas lawatan social mereka.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Lingkungan umur berapakah mereka ini dan kepada negeri mana yang menjadi tumpuan kepada mereka. *(Ketawa)*

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya sebutkan tadi adalah angka yang

diberi kepada saya berkenaan dengan tangkapan yang dibuat di Kuala Lumpur sahaja. Lingkungan umur mereka sepertimana yang termaklum mestilah mereka yang muda-muda mereka.

Dato G. Pasamanickam: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu, adakah gadis-gadis seperti ini diseludup masuk ke Malaysia daripada lain-lain negeri. Kalau ada, bolehkah namakan negeri-negeri itu? *(Ketawa)*

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal yang dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri ialah tentang penyeludupan gadis-gadis Thai. Jadi saya menjawab berpandu kepada soalan asal bahawa tidak ada penyeludupan gadis-gadis Thai ke negeri ini setakat ini.

Sepertimana yang telah saya jelaskan, ada terdapat gadis-gadis Thai yang memasuki negara ini secara sah menggunakan dokumen-dokumen yang sah tetapi selepas berada di sini menjalankan kegiatan maksiat.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan ini tidak ada kena-mengena dengan seludup gadis, tetapi masih ada kaitannya dengan seludup iaitu penyeludupan surat-surat layang yang dihantar ke rumah-rumah dan di meja-meja di pejabat-pejabat berhubung dengan satu surat layang yang bertulis "Gerak-gempur di Baling 19hb November, 1985" yang diterbitkan oleh "Suara Islam SeMalaysia" buat salinan dan sebarkan dipetik daripada Pusat Komputer Pusat Semboyan Polis di Raja. Adakah Kementerian Dalam Negeri sedar tersebarnya surat ini. Jika sedar, apakah tindakan yang diambil. Terima kasih.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, surat yang dibaca oleh Yang Berhormat tadi tidak ada kena-mengena dengan penyeludupan gadis Thai ke negara ini. (*Ketawa*)

SIRIM—ALAT KELENGKAPAN

4. Tuan Haji Shuaib bin Lazin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa SIRIM tidak mempunyai mesin-mesin dan alat-alat yang mencukupi dan jika sedar nyatakan tindakan beliau akan ambil supaya SIRIM dapat menjalankan fungsi-fungsi yang ia ditubuhkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, walaupun Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) memerlukan lebih banyak lagi mesin dan alat-alat khususnya yang paling moden untuk menjalankan tugas-tugasnya, alat-alat kelengkapan yang sedia ada adalah memadai untuk melaksanakan program Institut tersebut.

Adalah menjadi hasrat Kementerian untuk melengkapi SIRIM dengan lebih banyak lagi alat kelengkapan tetapi disebabkan kekurangan kewangan, pembelian alat kelengkapan ditangguhkan buat sementara waktu. Misalnya bagi tahun depan, SIRIM telah meminta sebanyak 28.51 juta tetapi hanya \$8.68 juta sahaja yang diluluskan. Dari jumlah itu sebanyak \$4 juta adalah untuk alat kelengkapan, sedangkan bakinya untuk pembinaan bangunan.

Tindakan-tindakan yang sedang diberi pertimbangan oleh SIRIM untuk membolehkannya menjalankan fungsi-fungsinya termasuk langkah seperti berikut:

- (1) menswastakan dan memperdagangkan aktiviti

pengujian serta peralatan SIRIM umpamanya melalui skim pertauliahan makmal pengujian, memperdagangkan mesin kerja tekan, rawatan haba, "injection moulding" dengan izin dan loji salur elektrik;

- (2) menjalankan skim pendaftaran untuk komponen kenderaan bermotor;
- (3) memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan; dan
- (4) mempertingkatkan pendapatan SIRIM dari 20% sehingga mencapai 40 % dari Belanja Mengurus pada tahun 1990.

PENYAKIT AIDS

5. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sesiapa di antara rakyat Malaysia yang telah menghidapi penyakit AIDS dan jika ada nyatakan:

- (1) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya dari merebak; dan
- (2) bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa pelancong-pelancong dari luar bebas dari jangkitan AIDS ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa sehingga tarikh ini, tiada kes-kes AIDS yang telah dikesan di kalangan rakyat Malaysia.

Mengenai soalan kedua, adalah rumit dan juga tidak perlu bagi kita memastikan bahawa pelancong-pelancong ke negara kita bebas dari jangkitan AIDS. Pesakit-pesakit AIDS biasanya dikawal di negeri masing-masing.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah mana-mana klinik kita sudah ada tubuhkan untuk periksa orang ramai dalam negara kita mengenai AIDS. Kalau kita belum periksa, macam mana kita tahu, adakah AIDS itu atau tidak, melainkan kita baca dalam suratkhbar sahaja. Yang kedua, adakah Kementerian kita sudah ambil tindakan untuk memberitahu apakah bahaya penyakit AIDS ini terutama di sekolah-sekolah menengah?

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercakap sahaja dalam perkara ini. Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk menguji dan mengesan jika ada kes-kes AIDS di kalangan rakyat kita dan kita telah sebagai langkah pertama memaklumkan kepada semua doktor di tanahair kita tentang symptom-symptom, tanda-tanda penyakit AIDS ini. Oleh kerana setengah daripada pembawa kuman AIDS ini mungkin tidak akan menunjukkan apa-apa tanda, kita sedang pada masa ini menjalankan satu ujian darah di atas lebih kurang 6,000 sample darah dari seluruh tanahair kita.

Sample ini adalah diambil daripada penderma-penderma darah dan juga daripada pusat-pusat pemulihan dadah iaitu mereka yang biasa terdedah kepada penagihan dadah khasnya menggunakan cara suntikan intravenous dan juga termasuk sample-sample daripada mereka yang mendapatkan rawatan di klinik-klinik penyakit kelamin di seluruh tanahair kita dan beberapa kes yang lain. Jika sample 6,000 ini ada menunjukkan apa jua bukti kuman AIDS kita baru dapat mengatakan bahawa AIDS telah menyerang di tanahair kita. Tetapi dari 6,000 contoh darah itu kita telah memeriksa lebih kurang 5,000 contoh dan sejauh ini tidak ada kes yang dikesan.

Soal mengenai pemberitahu bahaya AIDS kepada murid-murid sekolah, saya rasa murid-murid sekolah bukanlah kumpulan yang risiko tinggi mengenai AIDS ini kerana cara pembawaannya dan sebagainya.

Kementerian telah mengedarkan beribu-ribu poster ke seluruh tanahair dan juga memberitahu beberapa keterangan dalam dalam surat-surat khabar, TV Malaysia, TV3 dan sebagainya dan sentiasa memberi amaran kepada rakyat kita tentang bahaya penyakit AIDS.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soal tambahan, berapa ramaiakah rakyat Malaysia yang telah tampil ke hadapan secara sukarela untuk menjalankan ujian bagi mengesan penyakit AIDS?

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka mengenai berapa ramai yang telah dengan sukarela cuba menguji darah mereka. Tetapi ada juga ramai di kalangan khasnya mereka yang mendapat rawatan di klinik "social hygiene" kita dengan sukarela tawarkan diri mereka untuk ujian darah.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA MENYERTAI PROJEK PEMBANGUNAN

6. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteriannya untuk menswastakan sebahagian perkhidmatan; dan
- (b) apa garis panduan yang telah dibentuk untuk memberi lebih peluang kepada kontraktor Bumiputera menyertai projek-projek pembangunan di bawah dasar pengswastan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha): Kementerian saya adalah menjalankan aktiviti-aktiviti pengawasan, penyelarasan dan penilaian ke atas agensi-agensi yang diletakkan di bawahnya.

Projek-projek pembangunan dan perkhidmatan pula, adalah dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkenaan. Maka oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti di peringkat Kementerian tidak akan diswastakan.

Di peringkat agensi-agensi di bawah Kementerian saya pula, beberapa projek telah pun dilaksanakan secara penswastan selaras dengan bentuk-bentuk penswastan yang telah digariskan oleh Kerajaan iaitu sama ada berbentuk penjualan ekuiti Kerajaan, penyerahan pembangunan sesuatu projek untuk dilaksanakan oleh swasta ataupun melaksanakan sesuatu projek secara usahasama dengan pihak swasta.

Sebagai contoh, ekuiti agensi-agerisi di dalam 56 syarikat-syarikat anak masing-masing telah pun dijual kepada swasta sehingga bulan Jun, 1985.

Sebanyak 18 buah projek terdiri daripada projek-projek perumahan, perkedaian dan pembangunan kawasan perindustrian telah diserahkan kepada swasta di dalam tahun 1985 untuk dilaksanakan. Di samping itu 90 buah daripada syarikat-syarikat di bawah PKEN dan PKPN adalah dijalankan secara usahasama dengan swasta.

Mengenai garis panduan pula Kerajaan telah pun mengeluarkan satu garis panduan mengenai penswastan bagi kegunaan pihak swasta dan juga pihak Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Garis panduan ini adalah diikuti oleh agensi-agensi di bawah Kementerian saya bagi melaksanakan projek-projek secara

penswastan. Juga pihak Kementerian telah mengeluarkan panduan-panduan tertentu mengenai aspek-aspek dan pendekatan penswastan untuk diikuti oleh agensi-agensi yang berkenaan.

Pelaksanaan projek-projek secara penswastan itu mengambil perhatian terhadap gunatenaga dan kakitangan yang terlibat serta juga matlamat penyusunan semula hak milik Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah PERIMBA dijual secara langsung kepada pihak swasta atau PERIMBA dimasukkan dalam jadual penswastan bahagian Kementerian beliau.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, PERIMBA adalah tertakluk di dalam penswastan sepertimana di bawah garis panduan yang disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah garis-garis panduan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian untuk diikuti oleh PKEN—Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri dan sebagainya.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Garis-garis panduan yang disediakan oleh Kerajaan itu boleh dibeli oleh mana-mana pihak untuk kegunaan masing-masing. Untuk panduan yang disediakan oleh Kementerian, ini bersifat departmental dan tidak boleh diberikan maklumat kepada pihak luar daripada Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ng Ah Poi.

Tuan Bee Yang Sek: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

MATAPELAJARAN CAMPURAN SASTERA/SAINS DALAM STPM

7. **Tuan Bee Yang Sek** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menyemak semula pelajaran campuran sastera dan sains dalam Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia untuk masuk ke Universiti-universiti Tempatan, ataupun sekurang-kurangnya melonggarkan syarat permohonan masuk universiti tempatan untuk tahun akademik 1986/1987 sahaja kerana ada ramai murid-murid tingkatan enam atas tahun ini telah mengambil perkara sains bercampur dengan sastera secara tidak sedar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan dan Skim Peperiksaan STPM 1985 Majlis Peperiksaan Malaysia mengenai pemilihan matapelajaran, seseorang calon di dalam satu peperiksaan tidak boleh mengambil:

- (i) Lebih daripada lima matapelajaran.
- (ii) Lebih daripada satu kertas pilihan di dalam mana-mana satu matapelajaran.
- (iii) Apa-apa kombinasi matapelajaran atau kertas yang tidak dibenarkan oleh sukatan pelajaran.

Berdasarkan Peraturan dan Skim di atas, seseorang calon tiada halangan untuk mengambil mana-mana kombinasi matapelajaran yang dibenarkan.

Selaras dengan konsep sijil terbuka, pemilihan kombinasi matapelajaran adalah bergantung kepada:

- (i) Budibicara pelajar memilih kombinasi matapelajaran yang

difikirkan dapat memberi peluang terbaik untuk kemasukan ke universiti.

- (ii) Kemampuan sekolah mengadakan keperluan-keperluan dan kemudahan-kemudahan bagi sesuatu kombinasi.

Oleh itu Kementerian Pelajaran tidak bercadang menyemak semula pelajaran campuran sastera dan sains untuk peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Pelajar-pelajar yang mengambil matapelajaran sains bercampur sastera sebenarnya tidak terhalang dari memasuki universiti tempatan. Namun begitu, mereka terpaksa menghadapi persaingan yang hebat daripada pelajar-pelajar lain yang mempunyai kelulusan yang khusus dalam sains dan sastera,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

BELIA KE LUAR NEGERI—PROGRAM LAWATAN

8. **Puan Rokiah binti Zainuddin** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapa belia-belia baru-baru ini telah diberi peluang pergi ke seberang laut selama sebulan manakala negara sedang mengalami kemerosotan ekonomi dan sama ada rancangan ini masih diteruskan dan sama ada ianya berfaedah kepada negara.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham dengan maksud soalan Ahli Yang Berhormat itu. Setahu saya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak

pernah mempunyai program lawatan belia keluar negeri yang memakan masa lebih dari sebulan, tetapi sekiranya soalan tersebut termasuk Lawatan Kabar Belia Asia, sukacita saya memaklumkan bahawa program tersebut dibiayai sepenuhnya oleh penganjur iaitu Kerajaan Jepun.

Rancangan lawatan Kabar Belia itu adalah rancangan tahunan dan tertakluk kepada Kerajaan Jepun untuk menentukan sama ada rancangan tersebut diteruskan atau tidak. Rancangan ini memang berfaedah kepada pemimpin-pemimpin belia yang menyertainya. Ianya dapat memberi peluang kepada belia-belia tersebut memahami kerja-kerja belia yang dirancangan serta dilaksanakan oleh negara-negara ASEAN dan negara Jepun.

Rancangan ini dapat mempererat lagi hubungan belia di antara negara-negara tersebut. Ianya adalah satu latihan kepimpinan di mana mereka bukan sahaja memperkenalkan program-program belia yang terdapat di Malaysia tetapi juga meneliti bentuk dan cara pelaksanaan program-program belia di negara-negara lain.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Belia-belia di negara Malaysia yang dipilih oleh Kerajaan Jepun itu berapa ramai, dan mengikut sairan mana, daripada Kementerian Belia ataupun daripada Persatuan-persatuan Sukarela Belia Malaysia.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah ditujukan rancangan dan peserta-peserta yang dipilih oleh panel temuduga dan terdiri daripada Pengarah Tempatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri dan pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramaikah belia yang dipilih?

Datin Padiika Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, beberapa rancangan yang sudah dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menjalankan 7 rancangan dan rancangan itu tidak melebihi satu bulan. Beberapa peserta-peserta belia ada berbeza daripada tiap-tiap satu rancangan iaitu rancangan yang diadakan untuk rancangan ke negara Filipina 10 peserta dan di Indonesia 10 peserta dan pergi ke United Kingdom 10 peserta dan Korea Selatan 10 peserta kecuali rancangan untuk Kabar Asia Tenggara sebanyak 36 peserta.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah syarat-syarat ataupun kriteria-kriteria kepada belia-belia yang boleh mengikuti rombongan tersebut.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, kriteria untuk kelayakan menyertai rancangan ini ialah:

- (1) Ahli yang aktif dalam persatuan belia.
- (2) Disyorkan oleh persatuan belia sendiri.
- (3) Ditemuduga oleh panel temuduga yang terdiri daripada Pengarah Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri dan pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut lawatan ini memberi faedah yang besar kepada negara, jadi saya ingin tahu mereka yang sudah membuat lawatan ini, apakah faedah yang besar kepada negara, tolong sebutkan.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab di dalam jawapan kepada soalan asal.

**PEMAJU PERUMAHAN—
KECURANGAN**

9. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar adanya kecurangan dilakukan oleh Pemaju-pemaju Perumahan kepada Kerajaan dan kepada pembeli-pembeli jika sedar, apakah tindakan yang diambil ke atas pemaju-pemaju perumahan yang:

- (a) mendirikan bangunan rumah sebelum mematuhi semua infrastruktur yang dikehendaki oleh Kerajaan; dan
- (b) menyerahkan rumah kepada pembeli sebelum menyempurnakan kemudahan asas seperti air dan bekalan api.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar adanya berlaku penyelewengan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Menurut jadual (e) Fasal 14 Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan Kawalan dan Perlesenan 1982, perjanjian jual dan beli tanah dan bangunan seorang pemaju hendaklah dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, membina jalan, jalan masuk rumah, parit, pembentong, saluran air atau saluran pembentong atau loji pembentong bagi sesuatu projek perumahan.

Menurut Jadual Ketiga Fasal 4 dalam perjanjian jual dan beli tanah dan bangunan pemaju hanya boleh mengutip sebanyak 15% kos rumah selepas siapnya kerja-kerja pembinaan jalan, parit dan saluran

najis bagi bangunan dengan mengemukakannya satu notis bayaran dengan satu perakuan yang ditandatangani oleh Akitek pemaju. Dalam soal ini seorang pemaju mestilah menyiapkan semua infrastruktur sebelum bayaran yang dibuat oleh pembeli rumah. Semua pemaju adalah wajib membina infrastruktur menurut pelan teratur yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri.

Untuk menjawab soalan (b), Jadual E Pasal 15 (1) Peraturan-peraturan Pemaju-pemaju Perumahan, Kawalan dan Pelesenan 1982 telah menetapkan bahawa pemaju hendaklah dengan kos perbelanjaannya sendiri menyediakan semua keperluan bekalan air, api dan saluran najis kepada bangunan sebelum ianya menuntut 15% kos rumah daripada pembeli dengan surat perakuan daripada Arkitek. Dalam situasi ini jika pemaju gagal untuk membina infrastruktur ataupun memberi bekalan air dan api, ini bermakna pemaju telah gagal mematuhi perjanjian jual dan beli. Kementerian akan memberi arahan kepada pemaju mematuhi Perjanjian Jual Beli dan membina infrastruktur yang dijanjikan. Jika pemaju gagal mematuhi Perjanjian Jual Beli ini juga pembeli akan dinasihatkan mengambil tindakan sivil ke atas pemaju tersebut.

Bagi kedua dua kesalahan tersebut Kementerian saya boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- (1) Kementerian saya akan mengeluarkan satu arahan Menteri di bawah Akta Pemaju Perumahan 1966. Sekiranya pemaju gagal mematuhi arahan ini dan disabitkan kesalahannya boleh dikenakan denda sebanyak \$10,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.
- (2) Kementerian saya juga akan mengambil tindakan untuk

menyenarai hitam pemaju tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keterangan Timbalan Menteri yang berkenaan berhubung dengan kesedaran ini telah pun ada, saya rasa dengan adanya kesedaran itu tentulah sudah ada tindakan-tindakan yang dilakukan sama ada didenda atau sebagainya kepada pemaju-pemaju yang tidak mematuhi syarat-syarat yang disenaraikan oleh pihak Menteri. Saya ingin tahu, berapakah syarikat pemaju yang telah dapat dilakukan perdendaan yang tersebut.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kementerian telah mengeluarkan 11 arahan Menteri bagi beberapa pemaju-pemaju yang tidak mematuhi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Beberapa pemaju telah pun dibawa ke Mahkamah, yang lain-lain adalah dalam siasatan.

Selain dari itu, Kementerian juga telah menasihatkan beberapa pemaju untuk menjalankan kerja-kerja infrastruktur dan beberapa pemaju-pemaju atas nasihat itu telah pun menyiapkan kerja-kerja infrastruktur.

Tuan Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak daripada rancangan perumahan, masalah di dalam rancangan perumahan ialah rumah telah siap, kemudian api (electricity) dan air tidak masuk. Ini berlaku oleh kerana di setengah-setengah tempat pihak yang berkuasa LLN menghendaki supaya SKD ataupun CFO dikeluarkan dahulu, baharu boleh minta bekalan elektrik. Oleh kerana itu, apabila rumah telah siap maka di setengah-setengah tempat barulah permohonan untuk bekalan api ataupun elektrik dan air diminta. Oleh kerana itu, maka banyak daripada rumah-rumah yang

telah siap tetapi tidak dapat diduduki kerana kelewatan pembekalan elektrik dan air, dan banyak kerugian-kerugian yang telah menimpa pembeli-pembeli rumah oleh kerana kalau rumah itu dibeli dengan pinjaman bank, apabila wangnya sudah disburse atau dikeluarkan oleh bank maka pembeli-pembeli terpaksa dikenakan faedah—membayar faedah. Jadi, kadang-kadang apabila rumah telah siap, setahun lepas itu pembeli masih tidak dapat masuk lagi.

Dalam masalah ini saya rasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu membuat perbincangan dengan pihak Lembaga Elektrik Negara ataupun pihak JKR masalah memasukkan air dan electricity kepada rumah-rumah yang dimajukan oleh Swasta. Jadi, saya ingin tahu, sama ada Kementerian ini sedar akan masalah ini, dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam masalah ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah terlalu umum. Memang benar bahawa di beberapa rancangan perumahan kelewatan seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku dan tiap-tiap kes yang dirujuk kepada Kementerian adalah disiasat dan agensi-agensi seperti Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Air sentiasa dihubungi untuk mengatasi masalah-masalah ini. Jadi, perhubungan di antara Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan sentiasa ada untuk mengatasi masalah-masalah, jika masalah-masalah itu diakibatkan oleh kelewatan pihak Kerajaan. Tetapi kalau pemaju sendiri tidak menyiapkan kerja-kerja seperti yang dikehendaki oleh Pelan Tata Atur maka pemaju perumahanlah yang bertanggungjawab untuk menyiapkan

kerja-kerja sebelum api atau bekalan elektrik dipasangkan kepada rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

DASAR PEMBERIAN KONTRAK

10. Tuan Hassan bin Nam (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau berpuas hati terhadap dasar pemberian kontrak kepada pemborong-pemborong terutama pemborong-pemborong Bumiputera dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan kerana biasanya pemborong-pemborong yang telah maju dan terkenal sahaja yang diberi peluang sedangkan syarikat-syarikat Bumiputera yang baharu dan belum terkenal walaupun mempunyai kemampuan dan pengalaman selalunya berakhir dengan kegagalan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memberi keutamaan kepada pemborong-pemborong Bumiputera untuk mendapat kontrak-kontrak binaan. Mengikut dasar Kerajaan sekurang-kurangnya 30% daripada kontrak ini mengikut nilai tahunan adalah dikhaskan untuk pemborong-pemborong Bumiputera sahaja. Bagi Kontrak-kontrak yang dikhaskan untuk pemborong-pemborong Bumiputera ini, tender-tender adalah dijemput di kalangan mereka yang berdaftar dalam kelas-kelas yang ditetapkan bagi sesuatu tender itu. Pemberian kontrak seterusnya adalah berasaskan kepada tawaran termurah yang dinilai. Dengan itu, adalah tidak benar bagi pemborong-pemborong yang telah maju dan terkenal sahaja yang diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

ROMPAKAN MENGGUNAKAN SENJATA DI LAHAT DATU

11. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan telah memastikan kerakyatan orang-orang yang terlibat dalam kejadian merompak menggunakan senjata api di Lahat Datu, Sabah; dan
- (b) nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan serta memperbaiki suasana peraturan dan undang-undang di Sabah supaya kejadian sedemikian tidak akan berulang lagi.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan masih belum dapat memastikan kerakyatan perompak-perompak tersebut dan siasatan yang lebih teliti masih diteruskan.

Semenjak kejadian yang berlaku di Lahat Datu pada 23-9-1985, pihak Pasukan Keselamatan telah bertindak untuk memperkemas dan memperkuatkan lagi kawalan keselamatan di Sabah. Antara kegiatan-kegiatan keselamatan yang dititikberatkan ialah:

- (i) Menetapkan anggota Pasukan Polis Hutan di 37 tempat yang strategik di pantai-pantai dan pulau-pulau di Pantai Timur, Sabah.
- (ii) Menambah seramai 250 orang anggota-anggota Pasukan Polis Hutan dari Sarawak ke Sabah untuk memperkuatkan lagi keanggotaan di lokasi-lokasi yang dahulunya kosong atau kekurangan anggota.

- (iii) Mengadakan rondaan-rondaan tambahan bot-bot serta marin mengikut zon-zon yang ditetapkan dengan mengadakan "inner" dan "outer cordon".
- (iv) Mengadakan "check points" di tiga buah pulau untuk mengawal semua pergerakan keluar dan masuk pendatang terutamanya dari Filipina ke Sabah.
- (v) Memperkemas lagi "Semporna Security Command" untuk menyelaraskan mengurus bantuan logistik dan merancang gerakan apabila perlu.
- (vi) Menempatkan sebuah kapal terbang Unit Udara Polis untuk membuat rondaan di Pantai Timur Sabah.

Dengan langkah-langkah yang tersebut di atas adalah diharapkan Pasukan Keselamatan dapat mencegah dan bertindak dengan lebih berkesan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Tan Chang Soong: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-12.

PEKERJA MALAYSIA DIBUANG KERJA DI ASIA TIMUR

12. Tuan Tan Chang Soong (*di bawah S.O 23 (2)*) minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang terlibat akibat daripada pembuangan kerja secara besar-besaran oleh majikan-majikan perusahaan minyak di negara Asia Timur. Jika bilangan besar terlibat, apakah langkah-langkah akan diambil untuk menjaga penghidupan pekerja-pekerja itu.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada mempunyai rekod mengenai bilangan pekerja Malaysia yang telah dibuang kerja di negara asing. Oleh kerana pemergian mereka itu untuk mencari kerja di negara asing adalah atas pemilihan sendiri dan kepulangan mereka adalah juga tidak perlu dilaporkan kepada mana-mana pihak.

Setakat ini Kementerian saya tidak ada menerima apa-apa laporan mengenai pembuangan kerja secara besar-besaran oleh majikan-majikan perusahaan minyak di luar negeri. Dan juga tiada menerima apa-apa laporan mengenai pendaftaran pekerja-pekerja tersebut. Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa berusaha membantu penganggur-penganggur yang berdaftar di Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat untuk mendapatkan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan minat dan kebolehan mereka.

UBAT DI KLINIK SWASTA— JUALAN

13. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian ini dapat memastikan golongan-golongan yang menjual ubat-ubat di klinik-klinik swasta mempunyai kebenaran dari Kementerian Kesihatan dan adakah mereka ini dari ahli farmasi yang berdaftar juga adakah didapati kegunaannya ubat-ubat yang diharamkan diseludup ke negara ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, penjualan ubat-ubatan yang tidak mengandungi racun berjadual seperti yang didefinisikan di bawah Ordinan Racun 1952 tidak memerlukan lesen atau kebenaran dari Kementerian Kesihatan. Sungguhpun demikian, penjualan itu perlu mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Undang-undang

seperti Ordinan Penjualan Makanan dan Ubat 1952 dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Pindaan 1983).

Lesen untuk mengimport racun adalah dikeluarkan kepada Ahli Farmasi yang berdaftar di bawah Ordinan Racun, 1952. Mereka adalah dibenarkan menyimpan, menjual dan membekal ubat-ubatan racun mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Ordinan tersebut.

Klinik-klinik swasta bagi pengamal perubatan berdaftar, pegawai pergigian berdaftar dan pegawai veterinary berdaftar tidak dibenarkan menjual ubat-ubatan racun. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai ikhtisas ini dan kakitangan di bawah penyeliaan mereka boleh membekalkan ubat-ubatan racun untuk merawat pesakit-pesakit mereka sendiri tanpa sebarang lesen berasingan ataupun kebenaran daripada Kementerian Kesihatan.

Sepanjang pengetahuan saya, ubat-ubatan yang diharamkan tidak diseludupkan ke negara kita ini.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramai Ahli Farmasi yang berdaftar di dalam negara kita?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lebih daripada 1,200 Ahli Farmasi yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tempoh untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 34 adalah diberi di bawah ini).

PEMASARAN PADI

14. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kementerian

sedar di musim menuai padi di Negeri Kedah kebanyakan kilang-kilang swasta (bukan Bumiputera) tidak mahu membeli padi di peringkat awal hanya diserahkan kepada kilang LPN, dan kilang-kilang swasta itu menunggu di saat-saat akhir baru kilang swasta itu membeli padi tersebut; jika sedar, apakah tindakan sewajarnya diambil atas sikap kilang-kilang itu.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Pemasaran padi adalah mengikut sistem pasaran bebas. Di bawah kaedah Harga Minimum Terjamin yang dilaksanakan oleh LPN, petani-petani mempunyai pilihan untuk menjual padi mereka sama ada kepada pengilang swasta atau kepada LPN. LPN adalah berperanan sebagai pembeli terakhir di mana jika pengilang swasta enggan membeli padi atau mereka menawarkan harga yang lebih rendah dari Harga Minimum Terjamin, LPN akan membeli padi tersebut.

Kementerian saya memang menyedari tentang adanya kilang-kilang swasta yang enggan membeli padi pada masa-masa tertentu. Pada kebiasaannya kilang-kilang swasta membeli padi yang mempunyai kualiti yang baik dan mengikut keupayaan pemerosesannya.

Memandangkan bahawa pemasaran padi dijalankan secara pasaran bebas, LPN tidak boleh memaksa pengilang swasta untuk membeli padi petani-petani. Walau bagaimanapun petani-petani boleh menjual padi mereka kepada LPN jika pengilang swasta enggan membeli padi mereka.

FELDA—GENERASI KEDUA PENEROKA

15. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berhubung dengan kesan-kesan

negatif dari segi sosial yang sedang timbul dalam Rancangan-rancangan FELDA, dan nyatakan jumlah generasi kedua peneroka FELDA yang masih menetap di Tanah Rancangan serta jumlah mereka yang meninggalkan FELDA: dan sebutkan apalah langkah-langkah yang sedang disusun oleh Kementerian bagi memastikan generasi-generasi peneroka akan dapat meneruskan peranan dan tanggungjawab penerokaan ke arah melahirkan generasi peneroka yang gigih, bersemangat kepenerokaan- serta cintakan tanah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd Adib bin Haji Mohd. Adam): Perkara yang menjadi perhatian utama Kementerian adalah masalah-masalah yang ditimbulkan oleh generasi kedua FELDA terutama dalam masalah pengangguran dan ancaman dadah di mana ada pihak yang mengambil kesempatan pula untuk meniupkan perasaan anti-kerajaan di kalangan peneroka dan generasi kedua walaupun ini tidak meluas.

Mengenai bahagian kedua soalan tersebut, sukalah saya memaklumkan bahawa bilangan generasi kedua yang menetap di rancangan-rancangan FELDA adalah seramai 66,750 orang manakala yang telah meninggalkan rancangan adalah seramai 53,400 orang.

Dalam menghadapi masalah-masalah generasi kedua ini, pihak Kementerian melalui pentadbiran FELDA telah mengambil beberapa langkah dengan menyusun berbagai program, kursus dan latihan kemahiran dalam usaha mengurangkan pengangguran dan mengelakkan mereka dari anasir-anasir yang kurang sihat seperti ancaman dadah dan sebagainya.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

1. Memperkukuhkan peranan Persatuan Belia di rancangan-rancangan FELDA dengan menyusun dan menyelaras aktiviti Persatuan-persatuan Belia rancangan melalui Majlis Belia FELDA.
2. Dengan menyediakan berbagai kemudahan latihan dan kursus kemahiran seperti, Kursus Kepimpinan, Kursus Perniagaan, Kursus Projek Ekonomi Kecil, Kursus Kepimpinan Istam, Kursus Kraftangan dan Kursus Kerjaya.
3. Dengan menyediakan berbagai projek/kegiatan ekonomi dan perniagaan di mana Persatuan-persatuan/belia digalakkan melibatkan diri dalam projek-projek ekonomi/perniagaan seperti pemborongan secara kecil-kecilan dan juga ternakan. Untuk ini, FELDA telah memperuntukan sejumlah \$70,000.00 sebagai pinjaman untuk Persatuan-persatuan Belia menjalankan projek-projek ini.
4. Di samping program-program latihan yang dijalankan, FELDA juga mengambil langkah-langkah bagai mencegah penyalahgunaan dadah di rancangan-rancangan FELDA. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah dengan menubuhkan Jawatankuasa Penyalahgunaan Dadah di Rancangan FELDA, mengadakan kempen-kempen penerangan, ceramah dan kursus kesedaran (dengan kerjasama PEMADAM) tentang bahaya dadah dan menganjurkan kegiatan-kegiatan, sukan, kebudayaan dan kursus kerohanian di kalangan belia.

**JABATAN PENGANGKUTAN
JALAN WILAYAH
PERSEKUTUAN—
KESESAKAN**

16. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada betiau sedar kesesakan yang kerap kali berlaku di pejabat-pejabat JPJ khususnya di Wilayah Persekutuan dan Selangor di mana orang ramai yang selalu berurusan dengan jabatan tersebut. Setakat ini, sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Kementerian Pengangkutan memang sedar akan kesesakan orang ramai yang sering berlaku di pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan dan Selangor untuk mendapatkan perkhidmatan. Oleh itu, pihak Kementerian Pengangkutan dan JPJ telah menyediakan rancangan-rancangan pembangunan jangka pendek, iaitu mengadakan pejabat-pejabat kecil sementara seperti di Banting dan Sungai Besar di Selangor, serta juga di Mess Jalan Ampang dan pusat-pusat pembayaran setempat di Bukit Bintang Plaza dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan bagi mengatasi masalah kesesakan itu. Bagi negeri Selangor juga, pejabat JPJ negeri adalah sekarang ini di Shah Alam dan bekas pejabat JPJ negeri di Petaling Jaya dijadikan pejabat cawangan. Dengan itu, lebih banyak tempat disediakan untuk orang ramai mendapatkan perkhidmatan daripada JPJ.

Di samping itu Kementerian Pengangkutan juga mempunyai rancangan jangka panjang untuk membina pejabat-pejabat baru yang moden dan lengkap di masa hadapan apabila keadaan mengizinkan. Baru-baru ini juga, sistem komputerisasi

secara "on-line" dan "real time" di pejabat-pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di Shah Alam dan Petaling Jaya telah pun diperkenalkan mulai 1hb Disember, 1985. Ini bermakna kaunter-kaunter di pejabat-pejabat tersebut telah dilengkapkan dengan "terminal-terminal" komputer untuk menguruskan perkhidmatan kepada orang awam yang boleh diselesaikan dalam masa yang singkat berbanding dengan sistem lama yang telah diuruskan tanpa alat-alat komputer.

SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

17. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar kakitangan Kerajaan terutama sekali kategori G dan D adalah berlebihan daripada yang diperlukan oleh negara dan menyebabkan Kerajaan mengutukkan sebanyak \$21,954 juta untuk belanja mengurus bagi tahun 1986. Jika benar adakah Kerajaan bercadang mengurangkan kakitangan Kerajaan yang sedia ada supaya belanja mengurus dapat diturunkan ke tahap tidak lebih daripada 30% dari jumlah Peruntukan Belanjawan tahunan di masa-masa akan datang.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Jika dibandingkan dengan bilangan jawatan sahaja, adalah tidak benar dikatakan bahawa kakitangan Kerajaan berlebihan kerana masih terdapat lebih 140,000 jawatan yang kosong, tetapi jika dilihat dari segi keperluan sebenar keanggotaan berbanding dengan fungsi atau tugas yang perlu dikendalikan, ada kemungkinan keanggotaan di Jabatan-jabatan tertentu, termasuk kategori C dan D, dianggap sebagai berlebihan. Kajian menyeluruh mengenai saiz perkhidmatan awam sedang dijalankan.

**PINJAMAN PERUMAHAN—
MEMINDA SYARAT**

18. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) mengapakah Kerajaan tidak mahu meminda syarat-syarat pinjaman perumahan yang berjalan sekarang supaya dilonggarkan untuk memudahkan lagi rakyat, terutama yang berpendapatan rendah memiliki rumah; dan
- (b) setakat ini berapakah angka-angka bagi mereka yang telah berjaya mendapat pinjaman perumahan dan berapa banyak pula permohonan yang sedang diproses:

Dato S. Subramaniam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan di bawah Sekim Pinjaman Perumahan Kakitangan Kerajaan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah memiliki rumah. Umpamanya, di dalam Belanjawan 1986, Kerajaan telah melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan bagi kakitangan di dalam Kumpulan D dengan melanjutkan tempoh pembayaran balik dari 25 tahun ke 30 tahun. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengurangkan had umur 30 tahun yang dahulunya digunakan sebagai syarat kelayakan untuk mendapatkan pinjaman perumahan bagi kumpulan ini dan ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Kerajaan juga telah memberi pengecualian cukai setem bagi pembelian rumah kos rendah.

Selanjutnya, di bawah Sekim Pinjaman Perumahan Khas yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia, pinjaman 100% dengan kadar faedah 10% setahun diberikan oleh bank-bank perdagangan bagi

pembelian rumah kos rendah. Dalam Belanjawan 1986, Kerajaan juga telah menetapkan kuota satu pertiga dikhaskan untuk pembiayaan rumah kos rendah di bawah sekim ini.

Di bawah Sekim Pinjaman Perumahan yang dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula, dari tahun 1981 hingga bulan September, 1985 sebanyak 1,808 permohonan yang melibatkan jumlah pinjaman sebanyak \$10.02 juta telah diluluskan kepada golongan berpendapatan rendah. Selain daripada ini, bagi tempoh bulan Januari, 1985 hingga September, 1985, bank-bank perdagangan juga telah meluluskan permohonan bernilai \$110.9 juta bagi pembelian rumah kos rendah di bawah Sekim Pinjaman Perumahan Khas.

PENCEMARAN ALAM—KAWALAN

19. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan keadaan di negara kita sekarang di mana pencemaran dari beberapa punca menjadi masalah serius, apakah langkah-langkah yang beliau akan mengambil untuk mengawal keadaan ini dari segi undang-undang dan menguatkuasakannya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah menggubal dan sedang menguatkuasakan beberapa Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mengawal dan mencegah pencemaran. Bagi tujuan untuk mengawal punca-punca pencemaran air terdapat 3 undang-undang yang telah sedia ada dan giat dikuatkuasakan iaitu:

- (i) peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang

Ditetapkan) (Kelapa Sawit Mentah) 1977;

- (ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978; dan
- (iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979,

Bagi tujuan untuk mengawal pencemaran udara dari punca-punca yang tetap dan tidak bergerak (stationary sources), seperti kilang-kilang undang-undang yang berkenaan dikuatkuasakan ialah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Bagi kawalan punca-punca yang bergerak (mobile sources) seperti bas, lori pula, pelepasan-pelepasan dari kenderaan-kenderaan disel dikehendaki mematuhi standard-standard yang terkandung dalam Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977. Dua Peraturan baru untuk menghadkan pelepasan asap dan gas dari injin disel dan injin petrol adalah sedang disediakan dan dijangka akan dikuatkuasakan pada awal Rancangan Malaysia Kelima; Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telah pun diluluskan pada 4hb Disember baru-baru ini oleh Dewan yang mulia ini untuk melicinkan pelaksanaan tugas ini. Sementara itu, satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan dan sesi dialog telah diadakan dengan pihak perusahaan pengangkutan bagi mendapat kerjasama yang lebih rapat.

Di samping itu, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kepekatan Plumbum dalam Gasolin Motor) 1985 telah pun diadakan untuk mengurangkan kandungan plumbum di dalam gasolin (petrol) secara berperingkat. Mulai bulan Julai 1985 kandungan plumbum

telah dikurangkan dari 0.84 gm tiap-tiap satu liter ke 0.4 gm tiap-tiap satu liter dan selanjutnya ke paras 0.15 gm tiap-tiap satu liter pada 1990.

Satu lagi masalah pencemaran yang tidak kurang pentingnya ialah pelupusan bahan-bahan buangan toksik. Satu peraturan khas sedang disediakan untuk mengawal masalah ini dan dijangka akan dikuatkuasakan dalam tahun 1986.

Kesemua undang-undang atau peraturan-peraturan yang disebutkan di atas tadi telah pun dikuatkuasakan melalui Jabatan Alam Sekitar, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Bagi pencemaran bunyi bising, Jabatan Alam Sekitar sedang dalam proses menggubalkan peraturan-peraturan untuk mengawal masalah ini. Berkenaan dengan bau busuk dari kilang-kilang getah, kilang-kilang ini adalah dilengkapi dengan alat-alat untuk mengurangkan keadaan bau busuk. Satu lagi punca bau busuk ialah dari ternakan babi dan masalah ini disebabkan oleh penempatan ladang ternakan babi. Pihak yang mengeluarkan lesen untuk ternakan babi ini ialah Kerajaan Negeri dan adalah diharapkan bahawa pihak Kerajaan Negeri akan mendapatkan satu tapak yang sesuai dan jauh dari kawasan kediaman dan sungai-sungai dan juga pihak Kerajaan Negeri akan mengenakan syarat-syarat terhadap pelupusan pembuangan serta kaedah-kaedah untuk membersihkan kandang babi.

Pencemaran sungai dan anak sungai juga disebabkan oleh pelepasan najis dari rumah yang tidak diolah serta pembuangan sampah sarap, pembangunan tanah, perlombongan dan sebagainya. Kawalan ke atas semua aktiviti ini adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Tempatan. Pihak Jabatan Alam

Sekitar telah menyediakan garis-garis panduan kepada pihak-pihak yang berkuasa itu supaya mereka dapat mengambil langkah-langkah untuk mencegah terjadinya pencemaran dari punca-punca ini. Tambahan lagi Jabatan Alam Sekitar juga, memberikan khidmat nasihat kepada pihak-pihak Kerajaan Negeri yang memerlukan.

Pada amnya masalah dan keadaan pencemaran di negara ini adalah terkawal dan pengawasan dan pengawalan keadaan alam sekitar akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa.

JABATAN TELEKOM— PENSWASTAAN

20. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah penswastaan Telekom akan dilancarkan dan setelah penswastaan Telekom nanti adakah perkhidmatan pondok telefon luar bandar akan diteruskan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Saya bercadang untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Harun bin Hassan, yang dijadualkan pada 11-12-85 yang mana kedua-duanya adalah bersabit dengan penswastaan Jabatan Telekom,

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan telah pun menubuhkan Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) baru-baru ini, dan Pengerusi Syarikat telah pun dilantik sebagaimana yang diumumkan baru-baru ini. Buat permulaannya syarikat ini akan dipunyai sepenuhnya oleh Kerajaan dan juga ianya dijangka akan dapat beroperasi sepenuhnya pada tahun hadapan apabila urusan-urusan yang bersangkutan dengan pemindahan kakitangan-kakitangan JTM kepada Syarikat tersebut selesai kelak.

Mengenai Perkhidmatan Pondok Telefon Luar Bandar pula saya sukalah memberi jaminan di sini bahawa sungguhpun Perkhidmatan Telekomunikasi akan dijalankan oleh STM mulai tahun hadapan, semua perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan untuk kepentingan rakyat seperti Pondok Telefon Luar Bandar akan diteruskan juga sebagaimana biasa.

KEMELESETAN EKONOMI DUNIA

21. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian Kewangan sedar bahawa sejak ekonomi dunia meleset negara kita juga terjejas, jika sedar apa langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya bagi mengurangkan kelembapan yang dihadapi pada masa sekarang.

Dato' Sabbaruddin Chik: Kementerian Kewangan memang sedar bahawa kemelesetan ekonomi dunia telah menjejaskan ekonomi negara kita. Ini telah pun saya nyatakan dalam Ucapan Belanjawan baru-baru ini.

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengurangkan kelembapan yang dihadapi pada masa sekarang, telah pun saya nyatakan dalam Ucapan Belanjawan tahun ini dan pada tahun lalu. Walau bagaimanapun, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya terangkan secara ringkas langkah-langkah yang telah dan akan diambil. Langkah-langkah ini meliputi usaha-usaha menggalakkan eksport barangan dan keluaran. Malaysia, mengurangkan import, menggalakkan perkembangan industri perkapalan, insurans dan pelancongan. Di samping itu perbelanjaan sektor awam juga dikawal rapi.

Galakan juga diberikan untuk menggalakkan sektor-sektor swasta menjadi pendorong utama pertumbuhan ekonomi negara, Galakan yang diberi termasuklah mengurangkan kos perniagaan, merendahkan kos pembiayaan pelaburan di negara ini. Insya Allah langkah-langkah ini akan membantu kita mengatasi masalah kemelesetan ekonomi negara.

BAYARAN DARI PESAKIT-PESAKIT

22. Puan Hajjah Azizah binti Md. Said minta Menteri Kesihatan menyatakan mengikut belanjawan tahun 1985 sebanyak 4.5% iaitu \$1.4 billion akan dibelanjakan oleh Kerajaan untuk Kementerian Kesihatan berapakah jumlah bayaran yang dapat dipungut daripada pesakit-pesakit bagi tahun 1984, 1985 (sehingga bulan September); mengapakah pihak Kementerian tidak mengenakan bayaran yang lebih tinggi sedikit memandangkan kepada kos pengendalian yang semakin meningkat terutamanya daripada pesakit-pesakit yang berpendapatan tinggi.

Dato' K. Pathmanaban: Belanjawan Kementerian Kesihatan yang dicadangkan untuk tahun 1985 ialah berjumlah \$1.256 billion. Jumlah bayaran yang dapat dipungut daripada pesakit-pesakit bagi tahun 1984 ialah \$25.734 juta dan bagi tahun 1985 ialah \$22.068 juta (hingga bulan September).

Bayaran yang dikenakan untuk rawatan di hospital ialah mengikut Perintah Fee (Perubatan), 1982 dan Perintah Fee ini dilaksanakan mulai 1hb Disember, 1982 setelah kajian semula Perintah Fee (Perubatan), 1976 dibuat. Caj-caj khasnya untuk pesakit-pesakit di Kelas I dan II, telah pun dinaikkan mengikut kemampuan membayar bagi semua lapisan

masyarakat. Tidak ada cadangan pada masa ini untuk menaikkan lagi pembayaran hospital.

HOSPITAL KHAS UNTUK WANITA

23. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan membina Hospital Khas untuk wanita.

Dato K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan tidak ada rancangan pada masa ini untuk membina Hospital Khas untuk wanita. Walau bagaimanapun, wad-wad yang berasingan disediakan untuk merawat pesakit-pesakit wanita di hospital-hospital Besar dan juga Daerah. Terdapat juga Jabatan Obstetrik dan Gynaecology atau Unit Bersalin yang disediakan dengan wad-wad khas untuk pesakit-pesakit wanita di hospital-hospital tersebut bagi kes-kes bersalin dan sakitpuan.

TELEFON—PEMBEKAL ALAT IBUSAWAT

24. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjelaskan nama negara-negara pembekal alat-alat ibusawat telefon dalam sistem terbaru di seluruh Malaysia. Apakah benar alat-alat yang dibekal daripada Jepun itu merupakan barang-barang yang "sudah pakai" serta berkarat yang menyebabkan selalu berlakunya kerosakan sekarang ini.

Datuk Leo Moggie Anak Irok: Nama negara-negara pembekal alat-alat ibusawat telefon dalam sistem terbaru di seluruh Malaysia ialah Jepun yang diwakili oleh Syarikat Pemas-NEC Telecommunications Sdn. Bhd. dan Sweden yang diwakili oleh Syarikat Perwira Ericson Sdn. Bhd. Kedua-duanya syarikat ini adalah syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat usahasama antara Malaysia dan negara-negara berkenaan.

Semua peralatan ibusawat telefon yang dibekalkan oleh kedua-dua syarikat yang tersebut adalah yang baru. Ianya diperbuat di kilang tempatan di Tikam Batu, Kedah serta Kilang di negara Jepun (untuk Pemas-NEC) dan kilang tempatan di Pengkalan Chepa, Kelantan serta kilang di negara Sweden (untuk Perwira Ericson). Dakwaan bahawa peralatan ibusawat yang dibekalkan oleh kedua-dua syarikat ini adalah barang yang "sudah pakai" adalah tidak benar sama sekali.

AKTA UNIVERSITI— RUNGUTAN PARA AKADEMIK

25. Tuan Abdul Ghani Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa apabila dikumpulkan jumlah 50 tahun tradisi 6 universiti-universiti tempatan sejak Akta Universiti dilaksanakan maka masanya telah tiba kajian menyeluruh mengenai universiti-universiti dibuat lebih-lebih lagi ujudnya tanda-tanda seperti:

- (i) rungutan dan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat akademik;
- (ii) kualiti dan taraf akademik yang dipersoalkan; dan
- (iii) kesediaan dan kemampuan universiti memenuhi kehendak ekonomi dan masyarakat Malaysia sekarang dan masa hadapan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran menyedari tentang rungutan-rungutan dan rasa tidak puas hati di kalangan para akademik. Oleh itu pihak Kementerian sedang mengkaji perkara ini dengan teliti bagi mendapatkan fakta-fakta yang berkenaan supaya langkah-langkah yang sesuai dapat diambil.

HOSPITAL BARU SIBU— PEMBINAAN

26. Tuan Tiong Hiew King minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah Kerajaan akan bercadang mulai membina hospital baru di Sibu atau memperluas kemudahan-kemudahan yang ada di rumah sakit Lau King Howe, memandang kesesakan ruangan yang wujud di rumah sakit Lau King Howe sekarang. Apakah Kerajaan bercadang akan bertambah tenaga bagi outpatient clinic untuk memberi rawatan kepada outpatient.

Dato' K. Pathmanaban: Kerajaan bercadang untuk memulakan pembinaan hospital baru di Sibu dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sebidang tanah seluas 52 ekar telah pun diperolehi. Sebagai langkah sementara kerajaan sedang dan akan terus memperluaskan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Hospital Lau King Howe demi kepentingan penyampaian perkhidmatan semasa yang lebih selesa.

Pada masa ini 2 orang Pegawai Perubatan ditugaskan di Jabatan Pesakit Luar. Biasanya, purata bilangan pesakit yang mendapat rawatan di Jabatan Pesakit Luar ialah 300 orang. Oleh itu, kadangkala pegawai-pegawai perubatan daripada wad juga dipanggil untuk membantu pegawai-pegawai perubatan di Jabatan Pesakit Luar. Ada juga cadangan untuk mewujudkan satu lagi Jabatan Pesakit Luar di Sibu untuk mengatasi masalah ini.

PENAGIH DADAH—TANGKAPAN

27. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai bilangan penagih-penagih kes dadah yang telah ditangkap sejak Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 baru dikuatkuasakan pada 15hb Mei, 1985

dan adakah berkurangan dari sebelumnya akta tersebut dikuatkuasakan atau sebaliknya.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Sejak Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dikuatkuasakan pada 15hb Jun, 1985 sehingga 30hb November, 1985 seramai 41 orang telah ditangkap kerana penglibatan mereka di dalam kegiatan mengedar dadah. Seramai 16 orang dari mereka telah dikenakan perintah tahanan di Pusat-pusat Pemulihan Akhlak manakala seorang dikenakan perintah sekatan. Seramai 24 orang lagi masih dalam penyiasatan lanjut pihak polis.

Adalah sukar untuk mengkaji sama ada tangkapan ke atas pengedar-pengedar dadah berkurangan atau sebaliknya sejak penguatkuasaan undang-undang pencegahan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Ini disebabkan akta tersebut baru sahaja diadakan.

LAWATAN KE CHINA— KELONGGARAN

28. Puan Lim Sean Lean minta Perdana Menteri menyatakan sama ada syarat-syarat untuk mengunjungi Negeri China bagi rakyat Malaysia, termasuk pedagang-pedagang dan peniaga-peniaga atau pelabur-pelabur telah pun dilonggarkan atau diubahsuaikan, supaya keadaan persaingan perdagangan antarabangsa di antara Malaysia dengan negara-negara asing untuk bertapak di pasaran China dapat diperkukuhkan; jika ya, sila nyatakan kedudukan yang sebenar.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Kerajaan memang telah membuat beberapa kelonggaran kepada syarat-syarat untuk melawat Republik Rakyat China sejak hubungan diplomatik Malaysia/Republik Rakyat China dipulihkan.

Sebelum tahun 1983, Kerajaan hanya membenarkan warganegara Malaysia melawat Republik Rakyat China untuk tiga (3) tujuan berikut sahaja:

- (a) untuk melawat keluarga terdekat ibubapa, suami isteri, adik-beradik dan anak-anak;
- (b) untuk mendapat rawatan perubatan;
- (c) melawat Pameran Perdagangan Canton.

Tetapi mulai tahun 1983, Kerajaan telah juga membenarkan dua (2) kategori baru iaitu—

- (a) Lawatan perdagangan/ekonomi oleh wakil syarikat/syarikat persendirian dengan syarat mereka hendaklah berumur lebih 30 tahun.
- (b) Lawatan sosial sekali seumur hidup oleh warganegara yang berketurunan Cina dengan syarat mereka hendaklah berumur 65 tahun atau lebih.

Pada tahun 1984, Kerajaan telah membenarkan warganegara Malaysia menghadiri seminar/simposium/bengkel yang dianjurkan oleh badan-badan antarabangsa.

Pada tahun 1985, Kerajaan seterusnya telah melonggarkan syarat-syarat umur bagi lawatan perdagangan oleh wakil-wakil syarikat swasta di mana pegawai yang kurang dari 30 tahun boleh juga dipertimbangkan. Begitu juga Kerajaan telah menurunkan had umur bagi lawatan sekali seumur hidup dari 65 tahun kepada 60 tahun.

Bagi meningkatkan lagi hubungan perdagangan antara Malaysia dengan RRC, Kerajaan juga sekarang sedang mengkaji proses menimbang pennohonan dari syarikat-syarikat supaya tempoh yang diambil untuk

membuat keputusan dipercepatkan. Di samping memendekkan masa membuat keputusan. Kerajaan juga bersetuju memberi kebenaran/kemudahan perjalanan berkali-kali (multiple journey) bagi kes-kes tertentu terutama bagi syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai perjanjian perdagangan dengan Republik Rakyat China.

KEMALANGAN DI LEBUHRAYA KARAK/KUALA LUMPUR

29. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Kerjaraya menyatakan Lebuhraya Karak/Kuala Lumpur selalu berlaku kemalangan jalan raya. Adakah Kementerianya bercadang untuk mengambil langkah yang positif yang boleh memberi perhatian kepada pemandu supaya memandu kereta dengan baik dan tidak terlampau laju bagi mengelakkan kemalangan berlaku.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu langkah positif yang merupakan kajian untuk mengenalpasti ciri-ciri yang menyebabkan kemalangan dan juga bahagian-bahagian lebuhraya yang didapati sering berlaku kemalangan, sedang dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Berdasarkan kepada kajian itu, tindakan-tindakan yang tertentu akan dapat diambil kepada lebuhraya itu supaya membuatnya lebih selamat untuk kenderaan-kenderaan menggunakannya. Sementara kajian itu distapkan, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi tujuan mengurangkan berlakunya kemalangan di lebuhraya itu, seperti berikut:

- (i) Menambahkan pemasangan isyarat-isyarat amaran,

- (ii) Memasang lampu isyarat jenis "flashing beacons" di kawasan-kawasan kemalangan,
- (iii) menambah garisan di permukaan jalan,
- (iv) mengecat semula garisan permukaan jalan yang sedia ada.

Sukalah saya menegaskan di sini kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tindakan seperti di atas sahaja tidak akan dapat memberi kesan yang besar terhadap tujuan mengurangkan berlakunya kemalangan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak itu. Yang lebih penting ditegaskan ialah pemandu-pemandu perlulah menunjukkan sikap sabar, bertimbangrasa dan berhati-hati apabila menggunakan lebuhraya itu. Apa yang berlaku sebenarnya ialah sikap seperti ini telah tidak ditunjukkan oleh kebanyakan pemandu-pemandu dan sebaliknya telah cuai apabila menggunakan lebuhraya itu. Di antara sikap kecuai yang menyebabkan berlakunya kemalangan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ialah seperti memotong di tempat-tempat yang dilarang memotong, meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan yang sememangnya dilarang dan kenderaan yang tidak baik atau "vehicle defect".

JEMAAH HAJI—TAHANAN DI IMIGERESAN

30. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa dalam musim Haji yang lalu ada terdapat satu kejadian di Saudi Arabia di mana beberapa orang Jemaah Haji Malaysia telah ditahan oleh pihak Imigeresen negeri itu tanpa sebab-sebab yang munasabah. Jika benar nyatakan tindakan Kerajaan kita supaya kejadian seperti itu tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed): Tugas pihak Imigeresen Arab Saudi di Lapangan Terbang Jeddah ialah bagi mengawal keluar masuk Jemaah Haji dan tugas di Makkah ialah bagi mengesan mereka yang berada di negara itu tanpa visa atau kebenaran yang sah. Sejauh yang diketahui, dalam musim Haji yang lalu tidak terdapat Jemaah Haji Malaysia yang telah ditahan oleh pihak Imigeresen tanpa sebab-sebab yang munasabah.

PROTON SAGA—JUALAN KERETA

31. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan kesan-kesan awal dalam pasaran sejak mulanya kereta Malaysia "Proton Saga" dijual. Berapakah jumlah yang telah dijual dan ditempah; apakah perancangan-perancangan awal bagi masa depan kereta Malaysia ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Penjualan kereta Proton Saga setakat ini sangatlah menggalakkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana terdapat persaingan hebat dalam perniagaan kereta, maka adalah didapati tidak wajar diumumkan angka mengenai penjualan dan penempahan Proton Saga.

Mengenai perancangan masa depan kereta Malaysia, pihak Proton sedang membuat kajian yang teliti untuk mengeksportkannya ke luar negeri.

PELAJAR "A" LEVEL KE LUAR NEGERI

32. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan sistem penghantaran penuntut-penuntut "A" Level ke luar negeri dan

sama ada bahawa Kementerian Pelajaran menswastakan peperiksaan "A" Level.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran berpuas hati dengan sistem penghantaran pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus "A" Level di luar negeri. Bagaimanapun bagi menjimatkan perbelanjaan, mulai tahun 1984 pelajar-pelajar anjuran Kerajaan dikehendaki mengikuti Kursus "A" Level di dalam negeri sebelum mereka dihantar ke luar negeri.

Mengenai menswastakan peperiksaan "A" Level, jika yang dimaksudkan dengan penempatan pelajar-pelajar anjuran Kerajaan di Kolej-kolej swasta maka jawabnya memang ada ditempatkan.

GURU PEMULIHAN DI SRJK (TAMIL)

33. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah di sekolah-sekolah SRJK (Tamil) tidak disediakan guru pemulihan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru pemulihan ada disediakan di SRJK (Tamil). Walau bagaimanapun, buat masa ini, tidak semua sekolah rendah, sama ada Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, yang dapat dibekalkan dengan guru-guru pemulihan. Ini adalah kerana Kementerian Pelajaran kekurangan guru pemulihan yang terlatih dan langkah-langkah telah dan, sedang diambil untuk menambahkannya.

(Soalan No. 34. Sila lihat Jawapan No. 27 pada 6-12-85)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, ekonomi antarabangsa yang pulih sedikit pada tahun 1984 telah kembali menjadi lembab pada tahun 1985 ini. Negara-negara perindustrian dijangka mengalami pertumbuhan hanya 2.8% dalam tahun 1985 berbanding dengan 4.9% pada tahun 1984.

Walau bagaimanapun inflasi dapat dikekalkan pada kadar yang rendah iaitu sebanyak 3.9%. Tetapi kadar pengangguran masih kekal ditahap yang tinggi. Di dalam keadaan ini adalah dijangka negara-negara perindustrian akan meneruskan amalan dasar perlindungan perdagangan yang akan menjejaskan eksport keluaran negara-negara membangun seperti negara kita Malaysia.

Di samping itu perkembangan ekonomi Amerika Syarikat dengan defisit belanjawan dan imbalan perabayaran yang tinggi akan terus mempengaruhi kadar faedah antarabangsa. Prospek untuk menurunkan kadar faedah ini tidak begitu cerah. Adalah dijangka negara-negara membangun akan terus menghadapi pertumbuhan yang perlahan. Defisit belanjawan dan akaun semasa yang tinggi dan beban hutang luar negeri yang meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi negara kita sedikit sebanyak dipengaruhi oleh keadaan pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian. Adalah dijangka Malaysia akan hanya

mencapai kadar pertumbuhan 5.2% dalam tahun 1985 ini berbanding dengan 7.6% pada tahun 1984. Prestasi yang kurang menggalakkan ini dicapai di dalam suasana permintaan luar negeri yang lemah, pengurangan dalam pengeluaran petroliaam dan harga-harga barangan utama yang rendah.

Pada tahun ini defisit akaun semasa, imbalan pembayaran dianggarkan berjumlah \$5.3 billion berbanding dengan defisit pada tahun 1984 sebanyak \$3.7 billion. Walau bagaimanapun defisit ini yang merupakan 6.9% dari Keluaran Negara Kasar (KNK) adalah lebih rendah dari defisit akaun semasa pada tahun 1982 yang berjumlah 14.1% dari KNK.

Kerajaan telah berusaha untuk memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran negara. Salah satu usaha utama ialah mengeluarkan aliran keluar pertukaran asing dengan mengambil langkah-langkah memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan pelancongan bagi menggalakkan lebih ramai pelancong luar negeri melawat Malaysia dan menggalakkan pelancongan tempatan. Langkah-langkah ini adalah usaha-usaha yang dalam jangka panjang dapat mengurangkan defisit dalam akaun tak ketara dan seterusnya memperbaiki imbalan pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah defisit akaun semasa, imbalan pembayaran dan belanjawan sektor awam masih tinggi. Langkah-langkah mengurangkannya perlu diteruskan. Oleh itu strategi belanjawan bagi tahun 1986 adalah bertujuan seperti berikut untuk:

- (i) Memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki imbalan pembayaran dan belanjawan

negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam.

- (ii) Mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan strategi belanjawan ini sejumlah \$30,812 juta adalah dicadangkan bagi Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1986. Dari jumlah ini sebanyak \$21,954 juta atau 71% adalah bagi perbelanjaan Mengurus. Sementara bakinya sebanyak \$8,858 juta atau 29% adalah bagi perbelanjaan Pembangunan. Jumlah Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 1986 ini adalah bertambah sebanyak \$1,621 juta atau 6%, jika dibandingkan dengan jumlah peruntukan Belanjawan tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1986 adalah dicadangkan sektor sosial diperuntukkan sebanyak \$5,884.1 juta atau 26.8%, sektor keselamatan dan sektor ekonomi masing-masing dicadangkan sebanyak \$3,882.4 juta atau 17.7% dan \$2,196.9 juta atau 10%. Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 1986 bertambah sebanyak \$417 juta atau 2% daripada peruntukan tahun 1985.

Sebahagian besar tambahan ini adalah untuk menampung emolumen dan perbelanjaan bayaran hutang negara. Peruntukan emolumen berjumlah \$7,696 juta atau 35% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus. Peruntukan bayaran hutang negara pula berjumlah \$5,925 juta atau 27%. Dalam usaha mengawal dengan ketat Perbelanjaan Mengurus, Kerajaan akan terus membekukan pengisian jawatan-jawatan kosong dan pengwujudan jawatan-jawatan baru melainkan jawatan-jawatan penting sahaja.

Tindakan bagi mengurangkan keanggotaan perkhidmatan awam melalui penswastaan, peningkatan daya pengeluaran dan kecekapan pengurusan sektor awam akan diambil. Pengurusan keanggotaan awam adalah perlu memandangkan saiz perkhidmatan awam negara ini adalah lebih besar dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Thailand, Singapura, Filipina, India dan Great Britain. Tindakan tersebut akan dapat mengurangkan peruntukan bagi emolumen dan seterusnya wang yang dijimatkan itu akan digunakan bagi maksud membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk faedah semua rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha mengawasi perbelanjaan dan daya maju projek-projek, Agensi-agensi di Luar Belanjawan telah pun dipergiatkan. Kerajaan telah menswastakan beberapa aktiviti agensi-agensi ini dan akan terus mengenalpasti aktiviti yang dapat diswastakan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam. Di samping itu satu sistem amaran awal telah ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi menilai prestasi agensi-agensi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan ini sebanyak 30 langkah cukai telah dikemukakan. Langkah-langkah cukai ini ialah untuk membantu Kerajaan mencapai matlamat strategi belanjawan bagi tahun 1986, iaitu untuk mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta. Bagi mencapai matlamat ini beberapa langkah cukai telah dikemukakan dalam bentuk galakan-galakan dan potongan cukai. Hasil daripada galakan-galakan dan potongan-potongan cukai ini adalah dianggarkan bahawa Kerajaan akan mengalami kerugian hasil sebanyak \$136 juta bagi tahun 1986. Kerugian hasil ini akan dirasai oleh Kerajaan lebih-lebih lagi

dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini. Walaupun begitu penglibatan hasil ini adalah perlu demi menggalakkan kegiatan sektor swasta.

Beberapa langkah juga diambil untuk mengurangkan kehilangan hasil pada keseluruhannya dengan menaikkan kadar dan juga memperluaskan skop cukai. Langkah-langkah ini adalah seperti berikut:

- (i) menaikkan cukai ke atas minuman keras;
- (ii) menaikkan cukai import ke atas rokok dan keluaran-keluaran rokok yang diimport;
- (iii) memperluaskan skop cukai perkhidmatan; dan
- (iv) memperkenalkan kutipan cukai secara pegangan ke atas faedah yang tidak dikecualikan.

Kenaikan-kenaikan cukai di atas adalah minima sahaja demi untuk mengurangkan sedikit sebanyak kehilangan hasil Kerajaan akibat galakan-galakan dan potongan-potongan cukai yang dibuat dalam Belanjawan tahun ini. Kerugian bersih hasil selepas mengambilkira langkah-langkah di atas ialah sebanyak \$58 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat menerangkan sekali lagi dengan secara terperinci segala langkah-langkah cukai yang dikemukakan dalam ucapan Belanjawan baru-baru ini. Saya percaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai ucapan Belanjawan 1986 dan telah pun mendengar ataupun membaca segala ulasan-ulasan ke atasnya yang dibuat bukan sahaja di Dewan Rakyat, tetapi juga di akhbar-akhbar dan di seminar-seminar yang diadakan selepas hari Belanjawan. Saya hanya ingin menerangkan satu dua perkara sahaja

yang telah dipertikaikan dan yang menimbulkan kekeliruan.

Pertama, saya ingin memberi sedikit penerangan berkenaan dengan cukai pegangan sebanyak 5% ke atas faedah, dari simpanan yang tidak dikecualikan. Cukai ini adalah cukai akhir ataupun, dengan izin, final tax ke atas pendapatan dari punca ini dan ianya adalah dikenakan ke atas faedah dari simpanan yang tidak dikecualikan.

Setakat ini Kerajaan telah memberi pelbagai pengecualian ke atas simpanan demi menggalakkan simpanan-simpanan di bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Seperti yang telah dinyatakan dalam ucapan penggulung di Dewan Rakyat, kanak-kanak, suri-suri rumahtangga dan penerima-penerima pencen yang tidak ingin membayar cukai ini bolehlah menyimpan di dalam akaun-akaun yang dikecualikan daripada cukai. Kerajaan tidaklah berhajat mengenakan cukai ke atas mereka ini.

Tindakan untuk mengenakan cukai pegangan ini ialah untuk menyenangkan pentadbiran kutipan cukai sahaja, tambahan lagi cukai ini tidaklah merupai satu cukai baru, tetapi ia hanya merupakan satu cara mengutip cukai sahaja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar cukai yang harus dikenakan ialah di antara 5% hingga 40%, tetapi selepas mengambilkira kepentingan berbagai penyimpanan, Kerajaan hanya mengenakan kadar 5% sahaja iaitu kadar yang terendah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan cukai yang lain yang terdapat dalam Belanjawan ini ialah kebanyakannya seperti yang telah dikatakan tadi merupakan galakan-galakan cukai dan juga beberapa pindaan untuk memperbaiki beberapa Akta Cukai di bawah pentadbiran

Jabatan Hasil Dalam Negeri. Akta Galakan Cukai Pelaburan 1968 akan diubahsuai dan beberapa konsep baru akan diperkenalkan. Galakan-galakan untuk sektor-sektor pertanian dan juga pelancongan akan diperluaskan.

Bagi industri pelancongan, saya telah mengumumkan bahawa pengusaha-pengusaha pelancongan akan diberi pengecualian cukai sebanyak 10% daripada pendapatan perniagaan atas pelancongan asing sebagai langkah untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan ini membawa masuk lebih ramai lagi pelancong-pelancong asing ke negeri kita ini. Selepas mendengar rayuan daripada pengusaha-pengusaha pelancongan saya ingin mengumumkan di sini bahawa pengecualian sepenuhnya akan diberi ke atas kesemua pendapatan daripada perniagaan pelancongan asing yang diperolehi oleh pengusaha-pengusaha yang layak. Syarat kelayakan untuk mendapat galakan ini masih terhad kepada pengusaha-pengusaha yang berjaya membawa masuk lebih daripada 500 orang pelancong asing pada tiap-tiap tahun. Galakan-galakan ini akan diberi selama 5 tahun iaitu sehingga tahun 1990. Dengan galakan ini adalah diharapkan pengusaha-pengusaha ini akan berusaha dengan lebih giat lagi bagi menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong asing melawat ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan galakan dalam bentuk lanjutan tempoh elaun susutan dipercepatkan pula, inginlah saya menerangkan di sini tentang lanjutannya kepada perusahaan pajakan. Elaun ini akan hanya dapat dinikmati oleh syarikat-syarikat pajakan yang semata-mata menjalankan perniagaan pajakan sahaja. Dengan itu syarikat-syarikat pajakan yang juga menjalankan perniagaan-perniagaan lain tidak akan dibenarkan mendapat elaun ini.

Saya juga ingin menyatakan bahawa peraturan-peraturan baru mengenai perusahaan pajakan akan dilaksanakan mulai daripada 1hb Januari, 1986. Di bawah peraturan ini, satu galakan akan diberi dengan membenarkan pendapatan pajakan dikira bersama pendapatan-pendapatan urusan perniagaan bank dan kewangan yang lain. Galakan ini diberi sehingga tahun asas 1990.

Berkaitan dengan pindaan kepada Akta Cukai Pelaburan, suka saya memaklumkan di sini bahawa Akta ini sedang digubal bagi memasukkan segala cadangan yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan. Untuk menentukan tidak terjadi apa-apa kesulitan dalam pelaksanaan Akta ini, Kementerian Kewangan akan mengadakan dialog dengan pihak industri untuk mendapat pandangan mereka ke atas pindaan-pindaan yang sedang dicadangkan supaya galakan-galakan dalam bentuk yang akan dikemukakan itu adalah senang difahami dan senang pula ditadbir. Adalah dijangka dialog ini akan diadakan pada penghujung bulan Januari tahun hadapan.

Saya telah mengambil perhatian bahawa pihak swasta memerlukan penerangan yang lebih jelas tentang cara-cara sistem msentif baru yang akan dilaksanakan. Pihak swasta akan diberi peluang untuk mengemukakan pandangan mereka di dalam dialog ini dan jika didapati sesuai akan dimasukkan di dalam Akta atau Peraturan yang sedang digubal itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan memberi keutamaan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Untuk tujuan ini sebanyak \$2,861 juta telah disediakan bagi mengadakan projek-projek membasmi kemiskinan dan \$500 juta

untuk projek-projek penyusunan semula masyarakat. Kedua-dua peruntukan ini berjumlah \$3,361 juta. Adalah jelas bahawa Kerajaan tidak lupa kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sangat penting itu. Peruntukan yang besar ini adalah merupakan 40% daripada jumlah peruntukan pembangunan bagi tahun 1986. Peruntukan yang besar ini menunjukkan keazaman Kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk memberi kebahagiaan dan kesejahteraan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan pembangunan berjumlah \$8,858 juta yang dicadangkan ini merupakan sebanyak \$4,391 juta atau 54.1% untuk sektor ekonomi; \$2,636 juta atau 29.7% untuk sektor sosial dan sebanyak \$484 juta atau 5.5% untuk sektor keselamatan. Pembahagian lanjut peruntukan yang dicadangkan di bawah tiap-tiap sektor berkenaan adalah mengikut sebagaimana yang terdapat di dalam Kertas Perintah 27 Tahun 1985. Oleh hal yang demikian saya tidak akan menyatakan jumlahnya satu persatu di sini.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan berbagai-bagai projek pembangunan untuk manfaat segenap lapisan rakyat terutama sekali bagi golongan berpendapatan rendah. Oleh itu Kerajaan telah menambah peruntukan bagi projek-projek infrastruktur di luar bandar. Peruntukan bagi jalan-jalan di kawasan-kawasan luar bandar ditambah sebanyak \$238 juta; bekalan air sebanyak \$95 juta dan bekalan elektrik sebanyak \$154 juta jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan bagi tahun 1985.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha tersebut adalah terhad kepada kemampuan kewangan Kerajaan, lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan ekonomi pada masa ini. Kerajaan

sentiasa sedar pelaksanaan projek-projek adalah penting bagi kesejahteraan dan keutuhan negara. Kerajaan akan sentiasa memberi perhatian yang berat ke atas perkara ini. Kerajaan bersedia menimbangkan peruntukan tambahan sekiranya peruntukan yang disediakan itu tidak mencukupi dan perlu ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986 negara-negara perindustrian utama dijangka akan mencapai kadar pertumbuhan lebih kurang 3.1%. Berasaskan kepada keadaan yang kurang menggalakkan ini, dan dengan adanya langkah-langkah yang dicadangkan dalam Belanjawan tahun 1986, ekonomi Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan sebanyak 6%. Anggaran ini nampaknya diragukan oleh pihak-pihak tertentu di dalam negara ini.

Sukalah saya menyatakan di sini anggaran 6% ini adalah merupakan satu matlamat kadar pertumbuhan yang kita akan berusaha mencapainya kerana ia dirumuskan dengan mengambil kira faktor-faktor luar negeri dan dalam negeri yang mempengaruhi perkembangan ekonomi negara, khususnya pertumbuhan dalam pengeluaran petroliaam mentah kepada 510,000 tong sehari berbanding dengan 430,000 tong sehari sekarang. Dengan pertambahan ini dan jika sektor swasta memainkan peranan yang diharapkan, saya yakin kadar pertumbuhan ini akan tercapai.

Kita perlu menghadapi kenyataan bahawa keadaan ekonomi boleh berubah. Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan di dalam suasana ekonomi dunia. Jika perlu, kita akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Kajian semula kedudukan ekonomi terutamanya yang berkaitan dengan peluang-peluang pekerjaan akan terus

dibuat untuk memastikan sektor-sektor yang terjejas oleh perubahan-perubahan keadaan ekonomi dapat disesuaikan untuk memelihara kepentingan dan kebajikan rakyat serta menjamin kedudukan dan keutuhan ekonomi negara.

Perlu diterima hakikat bahawa pergolakan perkembangan ekonomi dunia adalah di luar kawalan kita. Baru-baru ini, selepas Belanjawan tahun 1986 dibentangkan di Dewan Rakyat, satu perkembangan yang kurang sihat telah berlaku, harga timah jatuh ke peringkat yang rendah. Keadaan ini nyata akan membawa kesan-kesan yang kurang baik kepada industri timah negara kita dan akan menjejaskan sedikit sebanyak usaha-usaha Kerajaan sekarang untuk memperkukuhkan ekonomi negara. Di dalam keadaan ini, kita di Malaysia perlu mempunyai sepenuh kepercayaan kepada kebolehan kita untuk mengharungi kesulitan-kesulitan seperti ini dan mengatasinya. Usaha-usaha perlu dipertimbangkan untuk meningkatkan productivity dan efficiency bagi meninggikan prestasi ekonomi. Kerajaan penuh keyakinan ini dapat dilaksanakan dan usaha-usaha memperbaiki sosio-ekonomi rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menyalahkan keadaan ekonomi dunia, kerana menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita. Sebahagian besar masalah ekonomi negara dapat kita atasi dalam usaha menentang kemelesetan ini. Kita perlu terus berjimat-cermat dan berkorban demi kepentingan masa hadapan, tetapi sukalah saya tegaskan di sini, Kerajaan tidak akan dapat mengabaikan tanggungjawabnya kepada rakyat miskin terutama di dalam keadaan yang penuh cabaran ini.

Usaha Kerajaan sahaja, walau bagaimanapun, tidak mungkin mencapai objektifnya tanpa sokongan dan kerjasama rakyat di semua pihak terhadap usaha Kerajaan. Kita perlu bersatu mengurangkan pertelingkahan dan perselisihan untuk menghadapi cabaran-cabaran di hadapan kita. Kita perlu bersyukur kepada Allah subhanahu wataala yang telah memberi rahmat kepada kita serta perlindungan dan panduan dalam usaha menguruskan negara dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini. Dengan restuNya, saya yakin bahawa rakyat negara ini berkemampuan menghadapi cabaran yang kita hadapi sekarang, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Perbekalan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar Harun.

4.01 ptg.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan seperti yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986 ini kerana Akta

Perbekalan 1986 yang berjumlah hampir \$14,000 juta telah disediakan oleh Kerajaan kita bukan sahaja sebagai perbelanjaan jimat-cermat negara kita, bahkan perbekalan ini dirangka dengan begitu teliti yang menitikberatkan keutamaan kepada Dasar Pertanian Negara kita serta kepentingan rakyat luar bandar dan sebagainya.

Anggaran Perbekalan ini dibuat, saya fikir adalah bersesuaian dengan keadaan ekonomi dunia kita sekarang dan diselaraskan dengan kepentingan rakyat dan Kerajaan negara kita, di samping tidak menjejaskan pembangunan negara dan rakyat keseluruhannya. Oleh itu saya suka mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan kita atas sikapnya berjaga-jaga dalam membelanjakan peruntukan wang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Kerts Perintah 34/1985, Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran-anggaran Hasil bagi tahun 1986, saya berasa sukacita kerana menumut seperti yang tercatat, Kerajaan kita akan mendapat hasil dianggarkan sebanyak \$22,063 juta yang didapati dari berbagai sumber iaitu hasil cukai adalah dijangkakan akan mencapai sebanyak \$18,426 juta iaitu 84.7%, dan hasil bukan cukai sebanyak \$2,878 juta dan terimaan bukan hasil ialah sebanyak \$463 juta.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, hasil Kerajaan Pusat dijangka mencapai lebih \$22,000 juta itu saya fikir kita belum pasti mendapat sebanyak itu kerana dalam penjenisan hasil cukai, didapati hasil eksport minyak adalah punca yang terbesar. Walaupun harga minyak kita tahun depan dianggarkan sebanyak US\$ 26 pada satu tong menurut jangkaan saya, saya fikir pihak Arab Saudi sebagai pihak yang terbesar mungkin menurunkan harga

minyaknya lebih rendah lagi barangkali US\$20 pada satu tong dan ke bawah lagi.

Kalau sekiranya perkara ini terjadi, apakah tindakan Kerajaan kita untuk mendapatkan supaya hasil seimbang dengan perbelanjaan. Oleh itu saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan, Kerajaan kita hendaklah menambah pengeluaran minyak mentah kita daripada 510,000 tong sehari kepada 700,000 tong sehari. Dengan ini pendapatan negara kita akan bertambah dan dengan ini juga mungkin boleh menambahkan peluang-peluang pekerjaan secara tidak langsung kepada belia-belia kita.

Yang kedua, harga kelapa sawit kita juga kebelakangan ini jatuh, sebab itu pendapatan berkurangan. Punca kejatuhan harga ini kerana tandingan harga minyak kacang soya daripada Amerika Syarikat yang menambahkan pengeluarannya dan menyebabkan pertandingan antara kedua-dua minyak ini bersaing hebat dan keadaan ini berlaku berterusan. Oleh itu dijangkakan pengeluaran minyak kelapa sawit daripada negara kita dan negara jiran juga bertambah pada masa akan datang. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya Kerajaan kita berunding dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk mendapatkan persetujuan dari segi jumlah pengeluaran minyak kacang soya dan harga kedua-dua minyak itu diselaraskan atau distabilkan bagi menjamin supaya pendaptan negara kita, eksport minyak kelapa sawit tidak terjejas dengan banyaknya. Maksudnya kerjasama antara Kerajaan kita dan Kerajaan Amerika berhubung dengan pengeluaran dan harga kedua-dua minyak ini tidak bertanding. Misalnya sama ada kedua-dua Kerajaan ini dapat membahagi-bahagikan kawasan pasaran minyak masing-masing.

Ketiganya, Kerajaan hendaklah melarang terus akan syarikat yang mengeksport biji kelapa sawit yang bermutu tinggi daripada negara kita keluar negeri supaya negara luar tidak dapat menyaingi atau menandingi mutu minyak kelapa sawit negara kita bagi menjamin supaya pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit tidak terjejas.

Seperkara lagi, sekarang ini saya nampak RISDA tidak seperti dahulu menaikkan harga getah, sekarang ini RISDA telah membuka ladang kelapa sawit di Terengganu misalnya, RISDA telah mendapatkan pinjaman dari luar negeri sebanyak \$40 juta. Ini menunjukkan RISDA seolah-olah menunjukkan hilang kepercayaan kepada perusahaan getah, lebih menumpukan kepada kelapa sawit. Pada pandangan saya, RISDA hendaklah terus menerus menumpukan kepada perusahaan getah sahaja. Perusahaan kelapa sawit biarlah dijayakan oleh badan lain yang berkenaan dengannya. Dengan jalan ini dapatlah RISDA menumpukan sepenuhnya mencari jalan dan berikhtiar bagi meningkatkan harga getah dari masa ke semasa supaya taraf hidup pekebun-pekebun kecil dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kepala B. 26 Kementerian Pelajaran, peruntukan sebanyak \$4,046,827,200. Dalam Kementerian ini saya menyentuh berhubung dengan kegiatan luar bilik darjah atau yang dinamakan kokurikulum. Saya berharap kepada Kementerian Pelajaran kokurikulum ini hendaklah dilaksanakan dengan lebih teliti supaya tidak menjejaskan pelajaran murid-murid terutama sekali dalam musim peperiksaan.

Saya berpendapat murid-murid yang mengambil peperiksaan pada tahun itu hendaklah dikurangkan menjalankan kegiatan-kegiatan

luaraya terutamanya kepada murid-murid tingkatan tiga, tingkatan lima dan tingkatan enam atas. Saya mengesyorkan hendaklah diberi kepada murid-murid ini dalam penggal satu dan dua sahaja supaya tidak mengganggu pelajarannya. Dari segi masanya pula saya berharap hendaklah disesuaikan jangan berlanjutan sangat sehingga menyusahkan ibubapa di sebelah petang kerana murid-murid yang tinggal di kawasan pedalaman mendatangkan kesulitan berhubung dengan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang berkenaan yang telah memberikan biasiswa, terutama kepada Kerajaan, sama ada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, demikian juga kepada Badan-badan Berkanun, syarikat-syarikat dan sebagainya kerana sumbangan mereka kepada murid-murid bagi bantuan pelajaran dan kadang-kadang ada didapati cara-cara pemberian itu tidak begitu adil. Oleh itu, saya mencadangkan tiap-tiap sekolah hendaklah menubuhkan Lembaga Biasiswa, sama ada di sekolah rendah dan di sekolah menengah yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada guru-guni sekolah dan ibubapa. Tujuannya, dengan adanya Lembaga Biasiswa ini di sekolah-sekolah maka sudah tentu pemberian biasiswa ini dapat diselaraskan dan mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan kerana Lembaga ini dapat meneliti dan menyiasat, oleh itu tidak timbul maklumat-maklumat palsu, jadi murid-murid yang layak dan kurang mampu sahaja dapat menerima biasiswa. Oleh itu, saya mencadangkan pemberiannya, terutama kepada badan-badan yang ingin memberikan biasiswa, sama ada Badan-badan Kerajaan atau swasta hendaklah menyalurkan menerusi Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri masing-masing kerana keadaan sekarang ini badan-badan yang

memberi biasiswa terus berhubung dengan sekolah, jadi ada sekolah itu sangat banyak menerima tawaran dan ada sekolah langsung tiada menerima tawaran, jadi ini tentulah kurang adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berhubung dengan cara menempatkan pelajar-pelajar yang telah lulus daripada universiti-universiti. Saya suka memberi cadangan iaitu supaya Kerajaan membentuk badan penyelarasan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk menempatkan pelajar-pelajar yang telah lulus daripada universiti-universiti dalam Jabatan-jabatan yang sesuai dengan kursus yang diikutinya.

Misalnya kalau seseorang itu mengambil kursus kejuruteraan, apabila sudah lulus kelak hendaklah mereka itu ditempatkan dalam Jabatan Kerjaraya misalnya atau Jabatan yang berkaitan dengan Kejuruteraan. Tidak seperti sekarang ini ada didapati seseorang yang telah lulus dalam calon jurutera terpaksa menjadi guru sekolah dan kadangkala terpaksa mengajar Pelajaran Sastera atau Bahasa Malaysia di sekolah. Jadi, dengan adanya badan penyelarasan ini kita berharap kerugian yang disebabkan oleh menempatkan orang yang tidak sesuai dengan bidang kursus yang diikutinya itu akan dapat dielakkan.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga hendaklah menyelaraskan kursus-kursus di beberapa buah universiti supaya bilangan pelajar dengan tiap-tiap kursus atau tiap-tiap bidang di universiti dapat disesuaikan dengan peluang pekerjaan yang boleh disediakan apabila tamat pengajian kelak supaya tidak menggalakkan pengangguran akibat daripada peluang pekerjaan itu. Oleh itu, Kerajaan hendaklah menubuhkan satu badan di bawah Kementerian Pelajaran yang boleh mengumpulkan

maklumat-maklumat yang kemaskini dan terperinci tentang bilangan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus di universiti-universiti dalam tiap-tiap bidang, sama ada di dalam ataupun di luar negeri. Dengan cara ini Kerajaan dapat mengenalpasti bidang-bidang kursus yang tersangat banyak dan juga amat kurang diikuti oleh pelajar-pelajar. Badan ini hendaklah berhubung rapat dengan Jabatan-jabatan Kerajaan, bekerjasama erat supaya dapat melaksanakan tentang peluang-peluang pekerjaan dengan calon-calon yang mengambil kursus di universiti-universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarik perhatian Dewan mengenai kekurangan guru-guru bahasa Inggeris di sekolah-sekolah pada hari ini, khususnya di kawasan luar bandar. Kekurangan ini telah memaksa pihak Kementerian Pelajaran untuk mengambil beberapa langkah tertentu seperti pengambilan guru dari seberang laut, mengadakan pelbagai kursus di setiap peringkat, malah akhir-akhir ini ada pula ura-ura mengambil kembali guru-guru bersara untuk meneruskan khidmat mereka mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Namun begitu, kekurangan guru-guru bahasa Inggeris ini masih lagi berlaku sehingga memaksa pihak sekolah mengarahkan guru-guru yang bukan latihan bahasa Inggeris mengajar matapelajaran tersebut. Keadaan ini tentulah menjatuhkan kualiti pengajaran dan ini terbukti dengan pencapaian yang agak rendah dalam bahasa Inggeris, khususnya di sekolah-sekolah luar bandar tadi. Banyak peluang, terutama sekali ke pusat pengajian tinggi dalam beberapa matapelajaran tertentu tidak dapat direbut oleh lepasan sekolah luar bandar, lantaran kurang dalam Bahasa Inggeris.

Sehubungan dengan ini, saya berharap Kementerian Pelajaran dapat mencari satu jalan untuk

mengatasi kekurangan ini dengan cara yang paling baik. Ura-ura mengambil kembali guru-guru yang telah bersara mungkin dapat menambahkan bilangan guru-guru yang boleh mengajar bahasa Inggeris, tetapi di samping itu pertimbangan lain harus juga diambil kira sebelum langkah-langkah ini benar-benar diambil, termasuk dari segi minat dan kesungguhan, keupayaan kepada tenaga, cara khidmat sama ada sepenuh masa atau setengah masa dan implikasi keseluruhan kepada peluang pekerjaan di kalangan para belia kita.

Saya juga suka menyentuh tentang dasar pengambilan guru-guru pelatih pada hari ini, sepertimana yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Pihak Kementerian harus mencari jalan untuk mengatasi keadaan yang tidak seimbang antara bilangan pelatih lelaki dengan wanita yang mana pada hari ini sebahagian besar adalah terdiri dari pelatih-pelatih wanita. Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan boleh juga menimbulkan kesulitan di sekolah-sekolah nanti. Peluang untuk menyertai latihan ini patut dibuka dengan lebih luas dengan mengenyahkan sukatan-sukatan yang tidak ada kaitan utama dengan tugas-tugas guru yang berkenaan nanti.

Misalnya, syarat kelulusan matematik mungkin wajar untuk guru-guru tertentu seperti guru-guru Sains, Matematik ataupun Perdagangan, Kejuruteraan dan lain-lain lagi. Tetapi bagi matapelajaran lain seperti Bahasa, Sejarah, Ilmu Alam ataupun Sivik, Pendidikan Jasmani, syarat demikian mungkin boleh dilonggarkan supaya memberi peluang kepada lebih ramai bakat untuk membuat permohonan untuk menjadi guru. Mungkin seseorang yang lemah Matematik misalnya, boleh juga menjadi seorang guru Bahasa Malaysia ataupun guru bahasa Inggeris yang baik.

Sebaliknya pula, pihak Kementerian harus mengambil perhatian yang sewajarnya tentang beberapa aspek lain dalam membuat pilihan, terutama sekali aspek sikap, sahsiah, penglibatan dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum dan lain-lain lagi untuk memastikan kita mempunyai guru yang serba boleh untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak di sekolah. Kualiti yang perlu kita dapatkan dari kalangan guru-guru pelatih harus merupakan gabungan kepada kecemerlangan akademik, sikap dan sahsiah positif dan penglibatan yang aktif dalam kegiatan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kepala B. 61 Kementerian Kerjaraya, peruntukan sebanyak \$390,912,700. Saya menyentuh berhubung dengan Lebuhraya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian berkenaan kerana telah membina beberapa kemudahan di tepi lebuhraya, seperti membina gerai buah-buahan, membina stesen minyak di sepanjang Lebuhraya Persekutuan seperti yang saya dapati di sekitar Lebuhraya Seremban ke Kuala Lumpur. Saya berasa dukacita sedikit kerana gerai buah-buahan yang telah siap dibina di Lebuhraya Seremban ke Kuala Lumpur itu masih juga belum ada peniaga-peniaganya yang menjual buah-buahan di situ pada halnya gerai itu telah siap lebih 2 tahun rasanya. Jadi saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan gerai itu akan dapat ditunggu dengan seberapa segera. Kerajaan juga telah memikirkan selain daripada gerai buah-buahan ini, PETRONAS juga telah membina stesen minyak untuk kemudahan bagi kereta-kereta yang hendak mengisi minyak seperti di Lebuhraya Seremban ke Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir selain daripada itu, oleh sebab saya selalu melalui jalan itu berulang-alik daripada Seremban ke Kuala Lumpur, saya mohon kepada Kerajaan supaya Kerajaan menimbangkan pula untuk membina sebuah surau, tempat sembahyang bagi mereka yang beragama Islam yang berulang-alik, yang menempuhi lebuh raya itu. Jika sekiranya gerai ada dibina, stesen minyak ada dibina, saya fikir tentulah tidak menjadi halangan kepada Kerajaan untuk mendirikan sebuah surau yang kecil bagi mereka yang hendak sembahyang apabila sampai waktunya menemui jalan itu. Barangkali mungkin tempat yang sesuai dibina surau itu di tempat-tempat tol ataupun di tempat yang berhampiran dengan gerai buah-buahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Maksud B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya, peruntukan sebanyak \$12,971,400. Kita telah mengadakan pilihanraya semenjak tahun 1959 lagi, kalau tak silap saya, sama ada Pilihanraya Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan juga Pilihanraya-pilihanraya Kecil Dewar! Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Di sini saya suka mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah menjalankan peranannya yang penting kepada kelicinan perjalanan tiap-tiap pilihanraya ini.

Demikian juga kepada anggota-anggota Kerajaan dan juga pekerja-pekerja yang terlibat dalam pilihanraya, saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita, terutama sekali kepada anggota Pasukan Polis yang telah memberikan khidmatnya dalam mengawal keselamatan bagi keamanan perjalanan setiap kali pilihanraya kerana pelaksanaan setiap kali pilihanraya ini adalah suatu tugas yang berat dan penting, almaklumlah

kita semua tahu, hendak membentuk sebuah Kerajaan yang memerintah negara kita ini untuk kepentingan rakyat dan negara, kerana itulah segala urusan dan pentadbirannya dijalankan dengan begitu teliti dan teratur. Jadi, dalam masa yang sudah-sudah ini seseorang calon yang hendak bertanding dalam pilihanraya mestilah mengemukakan keterangan-keterangan yang jelas dalam borang-borang penamaan calonnya dan borang itu mesti diserahkan kepada pegawai pilihanraya di tempat suatu kawasan pertandingan itu diadakan dan manakala didapati calon-calon yang tidak mengikut peraturan dalam borang penamaan calonnya, maka calon itu adalah tidak sah dan gagal, tidak dapat diterima.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini ialah berhubung dengan calon-calon yang telah menarik diri daripada pencalonannya setelah borang penamaan calonnya diserahkan kepada pegawai pilihanraya pada hari penamaan calon dalam tempoh penamaan calon, sebelum pengundian dijalankan.

Ada didapati calon-calon menarik diri daripada bertanding yang mana sepatutnya nama mereka tidaklah wujud dalam borang pengundian yang akan diadakan kelak, tetapi Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu, nama mereka masih juga ada dalam kertas undi yang akan dipangkah oleh pengundi-pengundi. Jadi, ini saya fikir tentulah tidak betul. Oleh itu, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya calon-calon yang telah menarik diri daripada pengundian itu maka namanya janganlah dicetak lagi dalam borang pengundian supaya pengundi-pengundi tidak tersilap pangkah.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Maksud B. 7, Jabatan Perdana Menteri, peruntukan sebanyak \$395,151,100 dalam bahagian Tabung Haji.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri kerana Tabung Haji kita telah dan sentiasa mengambil berat berhubung dengan urusan jemaah haji kita yang berangkat ke tanah suci. Kalau dahulu jemaah-jemaah haji kita dipimpin oleh sheikh-sheikh yang tertentu atau badan-badan yang tertentu semasa berada di tanah suci, tetapi sekarang Tabung Haji kita sendiri yang bertanggungjawab mengenai urusan dan pimpinannya dan pimpinan jemaah haji kita semasa berada di tanah suci dengan satu badan yang dinamakan Muassasah, walaupun pada waktu mula-mula diwujudkan dahulu perjalanan Muassasah ini tidak begitu sempurna, tetapi kini keadaannya telah bertambah baik dan diharap manakala didapati beberapa kelemahannya akan diperbaiki lagi dari semasa ke semasa supaya jemaah-jemaah haji kita bertambah yakin kepada perkhidmatan Tabung Haji ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berhubung dengan kemudahan telefon. Keadaan sekarang ini jemaah-jemaah haji kita semasa berada di tanah suci di Mina dan di Madinah, jika mereka itu hendak menggunakan telefon terpaksa pergi ke pondok telefon Kerajaan Arab Saudi. Ini terdapat beberapa kesulitan terutama sekali kepada orang yang tua-tua, susah mencarinya dan kadang-kadang susah pula untuk menggunakannya, berebut-rebut. Saya fikir sangatlah baik kalau Kerajaan kita dapat menyediakan kemudahan telefon bagi jemaah-jemaah haji dengan tidak payah melalui telefon Kerajaan Arab Saudi, cuma cara menggunakannya memang diadakan satu peraturan khusus, terutama sekali berhubung dengan bayarannya supaya tidak berlaku penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, bila berlaku kecemasan, klinik Tabung Haji kita

terpaksa menguruskan pesakit-pesakit ke hospital Arab tetapi tidak mendapat layanan sepenuhnya. Ini telah berlaku iaitu seorang jemaah haji kita telah jatuh, patah; klinik Tabung Haji kita terpaksa menghantar ke hospital Arab untuk mengambil gambar, kemudian diarahkan ke hospital yang lain untuk rawatan. Kesulitan yang berlaku ialah semasa driver ambulan Tabung Haji kita ini menunggu di luar, kadang-kadang mereka kena saman dan dihalau dan bermacam-macam kata lagi. Jadi, saya nampak perhubungan di antara pihak kita dengan pihak Kerajaan Arab ini belum begitu mesra. Oleh itu, saya harap perhubungan antara hospital Tabung Haji dan hospital Arab perlu dieratkan dengan mesra supaya dapat mengatasi kesulitan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penempatan klinik-klinik zon seperti yang diamalkan sekarang patutlah diteruskan kerana dengan adanya klinik-klinik zon ini jemaah-jemaah haji kita tidak sukar untuk mendapatkan rawatan segera. Jadi, penempatan klinik-klinik zon seperti yang ada di Arafah, di Mekah dan di Madinah sebagaimana yang diamalkan sehingga sekarang ini hendaklah kita teruskan. Saya mengucapkan terima kasih.

Cuma perhubungan antara maktab klinik zon dengan pusat perubatan berhubung dengan Malaysia seperti "Muisim" hendaklah kita gunakan apa yang dinamakan walkie-talkie, radio kecil kerana sekarang ini tak ada. Alat ini saya fikir perlu diadakan untuk memudahkan perhubungan untuk digunakan di Mina dan di Arafah sebab kemudahan telefon tiada di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh kepada penyimpan-penyimpan wang Tabung Haji. Tabung Haji kita memanglah menggalakkan kita yang beragama Islam menyimpan wang di Tabung

Haji dengan tujuan untuk mendapatkan kemudahan menunaikan fardu haji ke Mekah bila sampai masanya kelak. Oleh itu, Tabung Haji kita tiap-tiap tahun mengeluarkan bonus kepada penyimpan-penyimpan Tabung Haji. Setahu saya penyimpan-penyimpan hingga \$1,000 dikecualikan daripada cukai pendapatan, tetapi lebih dahpada itu dikenakan cukai pendapatan. Misalnya jika seseorang itu menyimpan \$1,500, untuk yang \$1,000 dilepaskan daripada cukai pendapatan; tetapi yang \$500 dikenakan cukai pendapatan, walhal Bank Simpanan Nasional keseluruhan faedahnya dikecualikan daripada cukai pendapatan dan Bank Simpanan Nasional tak ada membayar zakat. Berlainan dengan Tabung Haji kita yang memang telah membayar zakat perniagaan bagi pihak penyimpannya sebanyak 12½% setahun. Sudahlah begitu, Tuan Yang di-Pertua, pihak penyimpan Tabung Haji dikenakan lagi cukai pendapatan. Jadi, ini bermakna penyimpan Tabung Haji kena bayar dua kali cukai pendapatan dan penyimpan Bank Simpanan Nasional langsung tiada. Oleh itu, saya memohon kepada Kerajaan supaya penyimpan-penyimpan wang Tabung Haji dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan kerana pada pandangan saya yang pertama, Tabung Haji telah membayar zakat perniagaan sebanyak 12½%, pada hal Bank Simpanan Nasional tiada membayar.

Yang kedua, pelaburan kewangan Tabung Haji ini terhad kepada bidang-bidang tertentu yang halal, tidak seperti lain-lain bidang kewangan, luas kepada yang lain. Jadi, pulangan wang daripada pelaburan itu tidak setanding dengan badan-badan kewangan yang lain. Pendapatan itu rendah dan kecil, tidak sepatutnya saya fikir kita kenakan cukai dua kali.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berhubung

dengan jemaah-jemaah haji kita, selain daripada melalui Tabung Haji yang dengan urusan Muassasah, dalam tahun ini ada satu badan yang menguruskan jemaah haji kita, apa yang dinamakan "Package Aziz Khogeer". Jadi, Package Aziz Khogeer ini mengandungi tiga kelas, iaitu kelas yang pertama, kelas yang kedua dan kelas yang ketiga. Maknanya mereka yang ada kemampuan, selain daripada bayaran Muassasah \$5,000 itu, boleh mengambil badan ini untuk menguruskan mereka dengan tidak payah barangkali masak-memasak dan segala urusan-urusan lain semuanya ditanggung oleh Package Aziz Khogeer ini.

Saya mengucapkan terima kasih kerana Package Aziz Khogeer ini pun melalui Tabung Haji juga. Apa yang saya kurang bersetuju ataupun kalau boleh, bukan kalau boleh, saya mohonlah kepada Kerajaan supaya Package Aziz Khogeer ini tidak dibuat sampai 3 kelas, Kelas 1, Kelas 2, Kelas 3. Saya fikir memadailah dengan satu kelas sahaja. Misalnya siapa yang bersetuju untuk bersama atau sudah diuruskan dengan Package Aziz Khogeer ini dikenakan satu bayaran yang lain. Tidaklah seperti sekarang ini, bayaran pertama, bayaran kedua, bayaran ketiga. Jadi banyak benar. Kalau sangat banyak kelas-kelas ini pun saya fikir kurang baik. Kalau boleh hanya biarlah hanya satu kelas sahaja, Kelas 1 ataupun kalau tidak boleh Kelas 1, Kelas 2 sahaja. Tidak usah adakah Kelas 3 lagi kerana daripada pengalaman yang saya alami di masa yang sudah-sudah ini kadang-kadang Kelas 2 dengan 3 tidak ada bezanya. Pada hal mereka berbayar berbeza antara satu kelas dengan satu kelas dengan banyak bayaran. Saya fikir patutlah Package Aziz Khogeer ini diubah sama ada satu kelas ataupun 2 kelas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat itulah yang dapat saya berikan

pandangan dan dengan ini saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1986.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Pasamanickam.

4.33 ptg.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua dan para Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berasa gembira dan berpuas hati dengan ucapan Belanjawan Tahun 1986 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara kita sepertimana negara-negara dunia lain mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 1985 dengan selisih kadar 2.1% berbanding dari tahun yang lalu. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, pengangguran masih kekal di tahap yang tinggi. Memandangkan keadaan demikian adalah disyorkan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang boleh memberangsangkan pelabur-pelabur asing berminat melabur di negara ini bagi mendirikan lebih banyak industri-industri perusahaan dalam menampung rakyat Malaysia yang memerlukan kerja. Lebih-lebih lagi semakin ramai rakyat negara kita yang bekerja di Singapura telah diberhentikan. Lagi pun didapati masih banyak lagi kawasan tanah kosong yang belum diginnakan di negara ini iaitu kira-kira lebih kurang 1 juta hektar. Di samping memberi

peluang pekerjaan kepada rakyat ini juga akan dapat menolong menambahkan pengeluaran dan seterusnya dapat membantu negara dalam menghadapi masalah kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kerajaan juga mahulah berusaha memaju dan mengindahkan lagi tempat-tempat peranginan yang telah sedia ada dan membuka kawasan-kawasan peranginan yang baru bagi menarik pelancong-pelancong luar berehat di negara kita. Tempat-tempat tersebut haruslah diambil perhatian, Contohnya Gunung Ledang di Tangkak, Johor dan banyak lagi tempat-tempat menarik yang kita kira dapat menarik wang asing ditaburkan di sini. Sekurang-kurangnya cara ini dapat membantu dalam mengurangkan beban yang sedang dihadapi oleh negara ketika ini.

Seiring dalam mengindahkan lagi kawasan-kawasan peranginan dan menambahkan industri-industri di negara ini, kebersihan dan keindahan alam Malaysia juga harus dikekalkan sebagaimana yang sering diperkatakan oleh orang ramai dan sungutan-sungutan yang didengar mengenai bangkai-bangkai binatang yang bergelimpangan di atas jalan raya. Walau bagaimanapun, telah lama disuarakan hal ini tetapi belum ada pihak yang mengambil langkah-langkah tegas bagi mengatasi perkara ini. Keadaan seumpama ini selain mencemarkan kebersihan kesihatan sekeliling dan membahayakan pemandu-pemandu kenderaan, ia juga boleh menjatuhkan imej negara kita dari kaca mata negara luar melalui rakyatnya yang melancong ke negara ini. Oleh itu, diharap pihak yang berkenaan dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyanjung tinggi dan gembira

dengan tugas yang dijalankan oleh anggota keselamatan kita dalam menjaga keamanan negeri. Memandangkan masa kini rompak dan jenayah sering menjadi-jadi di seluruh tempat maka anggota Polis haruslah bertindak cekap dan berani dalam menghadapi jenayah negara ini tetapi malangnya penghijrahan pendatang-pendatang haram ke negara ini menimbulkan seribu satu macam persoalan yang sulit diselesaikan. Kehadiran mereka akan menimbulkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan. Ini samalah seperti pelarian-pelarian Cuba yang berhijrah ke tanah besar Amerika Selatan di mana telah menimbulkan huru-hara dan kegelisahan oleh pemerintah Amerika sendiri. Dengan ini suatu ketika nanti jika pendatang-pendatang haram ini tidak disekat, Malaysia yang damai ini maka mengalami nasib yang sama seperti Amerika Selatan. Lebih-lebih lagi ekonomi yang merosot sedang dialami sekarang akan mengurangkan lagi suasana tenang negara ini. Apa tidaknya sekiranya mereka ini mengganggu dan merosakkan kedamaian dan kemakmuran rakyat di sini. Kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang banyak bagi mengawal keganasan mereka. Oleh itu, tindakan tegas perlu diambil bagi menjamin kesejahteraan negara Malaysia sebelum terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membentangkan sungutan-sungutan dan rasa tidak puas hati di kalangan ahli-ahli koperasi di negara ini mengenai perkhidmatan dan perjalanan sistem yang dilaksanakan oleh Biro Perkhidmatan Angkasa. Dengan adanya perkhidmatan Biro Perkhidmatan Angkasa, menambahkan kerumitan, dan merugikan ahli-ahli koperasi di seluruh negara dan ini bercanggah dengan dasar Kerajaan sebenarnya dalam membantu dan memberi kesenangan kepada rakyat sepenuhnya. Sebagai contohnya

saham daripada bulan Januari hanya dapat diterima pada bulan April dan begitulah seterusnya jarak masa tiga bulan pihak koperasi baru mendapat saham dari ahli-ahlinya yang dikirim oleh Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

Sebagai contoh, saham ahli pada bulan Januari hanya dapat diterima pada bulan April dan begitulah seterusnya. Jarak masa tiga bulan pihak koperasi baru dapat saham dari ahli-ahlinya yang dikirim oleh Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Dengan itu keuntungan atau dividen ahli dalam setahun hanya bagi 9 bulan sahaja dan bukannya 12 bulan. Ini merugikan ahli-ahli koperasi, padahal jarak jauh kediaman ahli dengan pejabat koperasi berkenaan cuma satu dua batu sahaja.

Ini bererti perkhidmatan BPA, walaupun sofistikated dan termoden tetapi keadaannya umpama menyuap nasi dengan memusingkan tangan melalui di belakang kepala. BPA juga tidak menyediakan kelengkapan sepenuhnya kepada guru-guru sekolah dengan sampul surat, setem serta berbagai kemudahan lagi yang diperlukan yang sepatutnya seperti yang dilakukan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji. BPA juga telah membebankan kerja-kerja guru besar dengan berbagai perkara.

Sungutan ini telah pun lama disuarakan, tetapi jawapan yang diberikan dahulu amatlah mengecewakan. Adakah pihak BPA bercadang dan sanggup memberikan dividen kepada ketiga-tiga bulan yang disebutkan di atas kepada ahli-ahli koperasi dan bersetuju BPA membayar elaun kepada guru-guru besar sekolah yang menyediakan apa-apa yang dikehendaki oleh BPA?

Tuan Yang di-Pertua, di bidang pelajaran pula, usaha pihak Kerajaan mahu mengintegrasikan sekolah di bidang ko-kurikulum juga, saya kira tidak

sesuai, ini didapati dari segi implikasinya nanti di mana dengan sendirinya sekolah rendah jenis kebangsaan akan pupus sama sekati. Dalam bidang ko-kurikulum pula deagan adanya program integrasi, murid dari aliran Tamil dan Cina akan ketinggalan dan tidak dapat mengikuti dengan sepenuhnya kerana bahasa pengantaraannya ialah Bahasa Malaysia. Oleh itu usaha ini haruslah diselidiki dahulu dengan teliti kerana negara Malaysia terdiri dari berbilang bangsa, kerana setiap bangsa mempunyai hak-hak yang tertentu mengenai bahasa dan adat resam.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sihat negara maju. Begitulah salah satu slogan yang pernah kita dengar dan yang dikehendaki oleh setiap negara. Memanglah tidak dapat dinafikan hanya negara yang mempunyai rakyat yang sihat dan bijak sahaja yang dapat memajukan tanahairnya sendiri, Oleh itu segala gejala dan tabiat buruk haruslah dibuang jauh-jauh oleh setiap individu.

Perkara-perkara ini termasuklah salahguna dadah, minuman keras, rokok dan lain-lain lagi. Penyalahgunaan dadah memang menjadi masalah oleh setiap negara dan sekarang saya amat berpuas hati dengan langkah Kerajaan mengenakan hukuman maut pada pengedar-pengedarnya.

Begitu juga dengan minuman keras, sudah sewajarnya cukai barangan tersebut dinaikkan 15% sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya.

Begitu juga dengan cukai perjudian seperti kasino memang perlu dinaikkan bagi mencerminkan keadaan semasa negara ini. Oleh itu, hasil dari cukai tersebut akan dipergunakan oleh Kerajaan untuk rakyat dengan sepenuhnya.

Di samping itu dalam mengatasi ketidak stabilan ekonomi negara masa kini, Kerajaan hendaklah memberhentikan segala projek mewah yang belum dilaksanakan bagi membolehkan pengaliran wang negara dapat disalurkan dengan perkara-perkara kebajikan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan simen bagi pembinaan jalan raya adalah merupakan cadangan yang amat baik. Memandangkan keadaan simen yang berlebihan di negara ini, amatlah sesuai jika ia digunakan untuk pembinaan jalan raya.

Di samping memperbaiki jalan raya, jalan keretapi juga seharusnya diperluaskan dengan diperbaiki bagi menjamin perjalanan dan keselamatan penumpang-penumpang keretapi.

Konsep Pandang ke Timur yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah dituruti dengan memandangkan bagaimana sistem railway di Jepun dilaksanakan. Jalan keretapinya sungguhpun baik dan terdapat sistem jalan terowong di bawah tanah yang dibina dengan begitu menarik sekali, mengapakah Kerajaan kita tidak berusaha memperbaiki perkhidmatan keretapi di negara ini di mana kita sering mendengar keretapi tergelincir dan terbalik kerana terkeluar dari landasan?

Begitu juga dengan bertambahnya bilangan kenderaan seperti kereta, bas, lori dan motosikal, adalah lebih baik jika dibina jalan keretapi bawah tanah bagi mengurangkan kesesakan lalulintas dan menjamin keselamatan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, memperkatakan tentang perjalanan di lebuhraya, didapati kebelakangan ini sering terjadi rompak dan peras ugut kepada pemandu-pemandu kereta terutamanya. Ini akan mengganggu mereka yang berjalan

jauh bagi mereka yang berhasrat menggunakan lebuhraya tersebut.

Oleh itu, pihak yang berkenaan sepatutnya mengawasi lalulintas setiap masa bagi menjamin keselamatan pemandu-pemandu. Juga tempat-tempat penginapan yang selamat dan kawasan-kawasan yang berbahaya, haruslah disediakan beberapa orang anggota keselamatan, bagi memastikan kejadian rompakan tidak akan berlaku.

Bangunan-bangunan dan rumah persinggahan yang dicadangkan hendaklah didirikan di sepanjang lebuhraya bagi mengindahkan lagi serta mempergunakan tanah sekitar tepi jalan di lebuhraya digunakan dengan baik, di samping keselamatan pemandu-pemandu tidak akan sering diancam kerana dengan terdapatnya kawasan-kawasan perumahan dan kedai-kedai akan memudahkan pengguna-pengguna lebuhraya berhenti rehat dan mendapatkan apa-apa yang perlu jika berlaku sesuatu insiden atau keperluan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan atau tempat tinggal adalah juga merupakan problem besar yang dihadapi oleh rakyat dari semasa ke semasa. Walaupun bertaburan rumah-rumah kos rendah dibina untuk keperluan negara, tetapi harga rumah berkenaan sebenarnya tidaklah sesuai bagi mereka. Di samping keadaan rumah yang kecil dan sempit, harganya pula di luar kemampuan mereka itu bagi memilikinya.

Di sini adakah pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masih tidak mahu membenarkan ahli-ahli pencarum KWSP meminjam dari KWSP sendiri sebanyak 10% bagi tujuan mendirikan rumah di atas tanah persendirian, sedangkan mereka juga berhak mendapat faedah sebagaimana ahli-ahli KWSP yang ingin membeli rumah. Sekurang-kurangnya keadaan ini sedikit sebanyak dapat

mengurangkan masalah tempat tinggal yang dihadapi oleh penduduk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dapati Kementerian Kesihatan telah mengusulkan supaya doktor prebet swasta hanya dibenarkan memberi rawatan kepada pesakit-pesakit sahaja manakala ubat-ubatnya pula disediakan oleh pihak pharmacy. Syor ini amat baik dan lebih berkesan lagi kerana selepas dirawat pesakit-pesakit akan mendapatkan ubat-ubat dari pharmacy dengan-memperolehi keterangan dan menunjukkan cara yang begitu memuaskan mengenai cara-cara menggunakan ubat-ubat dan jenis-jehisnya sekali. Diharap pihak Kementerian berkenaan akan dapat menjalankan usaha ini dengan seberapa segera. Selalu kita dengar biasanya bila ada keluar sesuatu polisi sekurang-kurangnya memakan masa tiga, empat baru dapat dilaksanakan. Saya harap perkara ini boleh dapat dijalankan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam buku Akta Belanjawan Negara 1986 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita terdapat duti import barangan mentah akan diturunkan. Ini satu berita yang baik dan menggembirakan bagi pihak peniaga-peniaga dalam negara kita. Dengan penurunan sebanyak 2% ini nanti tidaklah ada lagi sungutan-sungutan dan ketidak puas hati peniaga-peniaga mengenai kekurangan bahan mentah seperti timah, minyak, getah dan sebagainya, lebih-lebih lagi telah terdapat idea bagi diesel dan minyak kelapa sawit tentang penggunaan barunya dalam bidang perindustrian negara kita. Dengan hal yang demikian, sekiranya penggunaan diesel dan minyak kelapa sawit tersebut akan digunakan dengan meluas tidak berapa lama lagi beberapa keuntungan akan diperolehi dari hasil ini. Kewangan negara akan

bertambah manakala projek ini akan dapat menampung lebih ramai rakyat dalam memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran hendak menetapkan peraturan menamatkan perkhidmatan bagi guru-guru yang tiada kepujian dalam Bahasa Malaysia setepas berkhidmat selama 10 tahun. Di sini saya ingin memberi pandangan kepada Kementerian berkenaan supaya memansuhkan peraturan tersebut memandangkan jasa dan pengalaman guru-guru berkenaan dalam pengajaran tidak kurang banyak seperti guru-guru yang lain. Lagipun Kerajaan telah banyak menghabiskan wang ringgit bagi membiayai perbelanjaannya semasa ia berkhidmat itu. Adalah wajar jika guru-guru berkenaan diwajibkan untuk mendapatkan lulus sahaja dalam Bahasa Malaysia bagi syarat tersebut.

Seterusnya dalam bidang pelajaran lagi sepatutnya kemahiran menipulasi dilaksanakan pada tahun 1986 tetapi telah ditunda pada tahun 1987. Saya kira bidang itu harus dipercepatkan kerana ia merupakan satu bidang menarik dan akan menghasilkan generasi yang bijak dan dinamik. Dari itu sewajarnya usaha ini dibuat dengan segera di mana generasi baru inilah bakal pemimpin negara di masa akan datang.

Manakala skim rancangan makanan tambahan sekolah sepatutnya dilanjutkan kepada ketiga-tiga penggal sepatutnya kerana didapati hasil dari kajian yang telah dibuat RMT ini telah melahirkan pelajar-pelajar yang sihat dan riang. Kecerdasan murid bertambah dan tidak ada lagi masalah guru mengenai murid-murid yang berpenyakit dan tidak keupayaan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan memulihkan ekonomi

negara didapati berbagai cukai dinaikkan. Ini termasuklah desas-desus yang mengatakan Kerajaan baru menaikkan lesen TV. Dalam hal ini saya tidak berapa cenderung hendak memperkatakannya. Jika ditonton dalam rancangan TV3 ini didapati tidak banyak rancangan menarik yang disiarkan. Inikan pula lesennya hendak digandakan dari \$24 kepada \$36 setahun. Jika dijelajah dari sebuah rumah ke sebuah rumah, 75% hasil yang diselidiki setiap buah rumah memiliki TV warna. Oleh itu, andainya cukai atau lesen dinaikkan, ini akan membebankan rakyat yang berpendapatan rendah, apalah salahnya rakyat memiliki mass media tersebut bagi membolehkan mereka mendapat berita dan pengetahuan dari alat tersebut.

Seperkara lagi rancangan TV3 nasib tidak dapat dilancarkan ke seluruh negeri. Ini mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar pengguna-pengguna TV kerana rancangan TV3 hanya dapat disiarkan di beberapa tempat sahaja. Jadi sudah sewajarnya Kementerian berkenaan mengambil langkah-langkah bagi memenuhi permintaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara selanjutnya yang hendak saya terangkan di sini ialah telah sering kita kemukakan di dalam Dewan ini tetapi masih belum diambilkira. Perkara tersebut ialah berkaitan dengan rungutan-rungutan dan rasa tidak puas hati pengguna-pengguna telefon dari semasa ke semasa. Rungutan ini ialah mengenai bil-bil bayaran yang tidak berpatutan. Di sini saya ingin menegaskan agar pihak berkenaan memasang meter-meter telefon disetiap rumah dan mempunyai alat tersebut supaya penggunaannya selaras dengan bayarannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui hampir \$300 juta terpaksa dibelanjakan setiap tahun

bagi mengimport barang-barang pertanian seperti beras dan lain-lain dari negara jiran. Memandangkan masa kini kebanyakan belia-belia kita ramai yang berkhidmat dalam sektor pertanian, saya rasa adalah lebih baik jika Kerajaan memberikan galakan dan bantuan serta kemudahan bagi meninggikan sektor pertanian di negara ini supaya selaras dengan dasar Kerajaan meningkatkan sektor perindustrian sekarang. Lebih-lebih lagi iklim dan tanah negara kita amat sesuai dengan projek bercucuk tanam. Dengan ini belia-belia kita sudah tiba masanya mengalihkan tumpuan mereka ke arah projek pertanian tersebut.

Manakala Kerajaan sepatutnya memberikan galakan yang sepenuhnya di atas usaha ini. Kita mahukan negara kita tidak akan berlaku kekurangan bahan makanan seperti yang berlaku di negara Asia Timur. Dengan adanya projek pertanian tersebut negara kita bukan sahaja mempunyai stok makanan yang mencukupi, malah akan dapat mengeksport bahan makanan tersebut ke negara Jepun. Seperti yang dijalankan di negara Jepun walaupun negara itu telah maju di segi perindustrian, tetapi kebanyakan belia-belia digalakkan dengan sektor pertanian. Ini adalah memandangkan Kerajaan Jepun telah sedar betapa pentingnya sektor pertanian di dalam sesebuah negara itu dan negara dunia masa kini memang memerlukan bahan makanan yang mencukupi bagi menampung keperluan penduduk-penduduknya.

Begitu juga dengan perikanan di mana 40% dari ikan-ikan yang didapati di negara ini diimport dari Thailand, padahal nelayan-nelayan di negara kita sendiri begitu ramai dan berkebolehan tinggi. Cuma alat kelengkapan dan teknik-teknik menangkap ikan sahaja yang tidak diperolehi oleh mereka. Segala alat kelengkapan seperti perahu, jala dan

sebagainya amat mendukacitakan berbeza dengan nelayan di Thailand. Di sinilah Kerajaan mesti memainkan peranannya dalam mengubah corak kehidupan nelayan-nelayan miskin kita di samping meninggikan ekonomi negara kita.

Kerajaan mahulah berusaha membekalkan perahu-perahu atau bot berenjin yang moden, alat kelengkapan ikan yang sofistikated supaya negara kita tidak lagi mengimport ikan-ikan dari luar. Di samping itu kawasan perairan bagi penangkapan ikan di negara ini juga perlu dikawal kerana telah berlaku beberapa trajedi berdarah di laut pada satu ketika masa dahulu. Diharap Kementerian yang berkenaan akan mengambil langkah-langkah segera bagi menghapuskan petualang-petualang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut sedikit atas Proton Saga. Proton Saga amat membanggakan dengan munculnya kereta nasional ini telah meletakkan Malaysia ke mata dunia sebagai salah sebuah negara pengeluar kereta tetapi amat mendukacitakan kerana didapati nanti kita ada hanya 42% sahaja bahagian Proton Saga adalah bahan tempatan dan yang selebihnya adalah bahan dari negara Jepun. Dengan ini Proton Saga belum lagi dikatakan kereta nasional selagi bahan-bahan pembuatnya belum mencapai sekurang-kurangnya lebih 50%.

Walau bagaimanapun, kita amat berbangsa dan gembira bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengenalkan kereta kita di negara China dalam lawatannya ke Beijing minggu yang lalu di mana 10 buah Proton Saga telah dipamerkan di sana. Ini merupakan satu petanda dalam perindusthan negara kita ini. Semoga Kerajaan akan terus berusaha lagi mempertinggikan jualan Proton Saga ke lain-lain negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan menyiapkan lebih banyak lebuh raya-lebuh raya di negara ini didapati jalan-jalan yang ada sekarang ini mengalami nasib yang malang dan di kebanyakan tempat terdapatnya lubang-lubang beserta parit sering didapati di mana-mana sahaja. Walaupun Jabatan berkenaan membaiki jalan-jalan tersebut tetapi selepas dibaiki jalan-jalan itu telah dipecahkan pula oleh Jabatan Telekom atau lain-lain jabatan ditambah pula dengan pemecahan jalan oleh pihak JKR bagi memasang batang-batang paip merintang jalan tersebut. Apa yang mendukacitakan ialah selepas kerja-kerja pemasangan itu siap jalan-jalan itu ditutup begitu sahaja dan ada pula tidak ditutup langsung. Ini amat merbahaya kepada pemandu-pemandu yang menggunakan jalan-jalan tersebut terutama pada malam. Kemalangan sering terjadi akibat daripada keadaan jalan tersebut. Apabila diberitahu Jabatan berkenaan akan membaiki semula jalan-jalan tersebut, kemudian dipecahkan semula, dibaiki dan dirosakkan kembali, begitulah seterusnya.

Di sini apa yang hendak diperkatakan ialah tidakkah Kerajaan menyelidiki dan menyusun kembali langkah-langkah yang sistematis dalam memperbaiki jalan tersebut supaya ianya dijalankan dengan teratur dan tidak merugikan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang rumah jagaan kanak-kanak (child nursery) di ladang-ladang didapati tidak sesuai dan terdedah kepada penyakit. Ini dipandang dari sudut bangunan dan penjagaannya di samping tempatnya yang tidak memuaskan. Penjaganya pula tidak berkebolehan, lebih-lebih lagi seorang penjaga terpaksa mengawal lebih daripada 20 orang kanak-kanak dalam satu masa. Di sini pihak yang berkenaan hendaklah mengambil

langkah dan membuat satu peraturan berkenaan dengan rumah jagaan kanak-kanak ini. Sebagai contohnya, mengadakan seorang penjaga lebih-lebih untuk 15 orang kanak-kanak sahaja. Penjaganya pula haruslah sekurang-kurangnya kelulusan SRP atau LCB dan dengan ini ibubapa tidak ragu-ragu mengenai keselamatan dan kesihatan anak-anak mereka. Begitu juga dengan kelas-kelas TADIKA. Sungguhpun telah dibuat dan diadakan di kawasan luar bandar dan pendalaman masih terdapat lagi kawasan-kawasan yang belum didirikan taman didikan kanak-kanak ini terutama di ladang-ladang di mana KEMAS belum lagi didapati di sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang difahamkan di rumah jagaan kanak-kanak yang terdapat di ladang-ladang didapati penjaga-penjaga tidak mempunyai kebolehan dan kemahiran tentang tugas yang diberikan kepadanya. Oleh itu, pihak yang berkenaan hendaklah mengadakan atau memberikan kursus-kursus dan latihan asas pendidikan kesihatan kepada penjaga-penjaga berkenaan, ini memandangkan kanak-kanak tersebut merupakan bakal-bakal pengganti pada hari hadapan. Maka syor di atas haruslah diberikan perhatian dan diambil tindakan selanjutnya dengan segera. Dan lagi nama ramah penjagaan kanak-kanak sepatutnya selalu diperkatakan sekarang hendaklah diubah namanya dengan nama yang sesuai dan berpatutan. Pada hal di sinilah bermulanya tapak penulatan bagi pemikiran kanak-kanak bagi menentukan kejayaan dan kebolehan kanak-kanak itu pada masa yang akan datang. Dari itu, saya dengan gembiranya diharap pihak yang berkenaan dapat memastikan bahawa semua kampung dan ladang mewujudkan kelas-kelas TADIKA dan KEMAS dan menjalankan aktiviti di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ada menyebutkan supaya pekebun-pekebun kecil menukarkan tanaman getah kepada tanaman-tanaman jenis lain. Usul ini amat baik memandangkan harga getah sekarang telah menurun dan merosot. Tetapi apa yang hendak diperkatakan di sini ialah mengenai beban yang diterima oleh pekebun-pekebun kecil semasa tanaman getah mereka digantikan dengan tanaman lain. Ini merupakan satu masalah kepada mereka bagi menampung hidup keluarga mereka. Oleh itu Kerajaan haruslah memberi perhatian dan bantuan yang perlu bagi memimpin mereka dalam menghadapi nasib sebagai pekebun kecil.

Di sini saya juga ingin mengetahui adakah Yang Amat Berhormat Dato' telah merasakan bahawa penanaman getah mempunyai masa depan yang gelap di masa akan datang? Jika benar, usaha yang tersebut di atas harus dilaksanakan dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said.

5.11 ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986 ini diluluskan dengan ucapan syabas kepada Yang Berhonnat Menteri Kewangan, dua orang Timbalan Menteri dan kakitangan Kementerian Kewangan yang telah mengambil daya usaha secara positif membentangkan Anggaran tersebut dengan mengambilkira hasil Kerajaan untuk pembangunan negara di samping tidak membebankan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kewangan walaupun kebanyakan negara di dunia mengalami kemelesetan ekonomi tetapi Malaysia masih dapat menstabilkan ekonominya dan nilai matawang ringgit tetap kukuh walaupun pertumbuhan ekonomi pada tahun ini agak berkurangan daripada tahun-tahun yang lepas.

Di setengah-setengah negara, ramai pekerja-pekerja telah diberhentikan disebabkan keadaan ekonomi yang merosot yang mana keadaan ini tidak berlaku di negara kita. Kita sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Walau bagaimanapun Kerajaan haruslah berhati-hati dalam menjalankan projek-projek mewah dan memandangkan kepada keadaan ekonomi masa kini projek-projek seperti ini patutlah diberhentikan.

Bagi melicinkan dan mengemas kini Anggaran Belanjawan pada tahun-tahun akan datang supaya lebih menyenangkan rakyat disemua peringkat, pihak Kementerian mestilah menubuhkan satu Jawatankuasa Perundingan Belanjawan terdiri dari pakar-pakar ekonomi dari universiti tempatan dan anak-anak bangsa kita.

Satu cara untuk menambahkan ekonomi dalam jangka masa yang pendek adalah dengari mengadakan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil untuk mendirikan industri-industri kecil untuk memproses hasil tanaman mereka dan juga memberi peluang mereka mempelbagaikan tanaman sampingan yang boleh mengeluarkan hasil yang cepat.

Saya rasa bukanlah suatu pendekatan terhadap peningkatan ekonomi dalam jangka masa yang pendek bahkan mengemukakan satu pilihan punca pendapatan yang lain

yang boleh mendatangkan keuntungan secara cepat. Dengan ini tidaklah terjejas pendapatan mereka sekiranya nilai tanaman utama mereka merosot.

Adalah diharap Kementerian Kewangan dapat memenuhi kehendak-kehendak petani yang disebutkan di atas di samping itu ia juga merupakan satu proses pertambahan ekonomi yang pantas. Pada pendapat saya berbanding dengan industri besar galakan kerana rancangan jangka pendek ini lebih cepat menghasilkan keuntungan jika mendapat sambutan yang baik dari golongan yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin membawa masalah-masalah yang datang dari negeri saya sendiri iaitu yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua pun ketahui oleh kerana pilihanraya hampir tiba peruntukan \$2.5 juta bagi projek kecil tahun 1985 agar ditambah bagi tahun ini sedikit lagi bagi memenuhi kehendak-kehendak projek perlu di luar-luar bandar yang terbengkalai disebabkan langkah berjimat cermat Kerajaan dua tahun yang lalu.

Seperkara lagi, minta pihak Kementerian Kerjaraya agar membuat papan tanda tunjuk ke arah dari Seremban ke Johor. Papan tanda tunjuk dari Seremban ke Johor tidak menunjukkan ke Melaka, iaitu kalau kita dari Seremban terus tunjuk ke Johor, tidak ada satu papan tunjuk yang menunjukkan negeri Melaka, yang mana. Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua tahu, Melaka adalah sebuah negeri yang sedang membangun lebih-lebih lagi di bidang pelancongan. Jadi kalau sambil lalu bagi pelancong-pelancong luar dan pelancong dari utara dapatlah mereka ketahui selepas Seremban ini kita akan jumpa negeri Melaka dulu. Mereka ini bolehlah singgah melancong dan melihat tempat-tempat

pelancongan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit mengenai Kementerian Perusahaan Awam, iaitu beras adalah barang mudah rosak dan oleh itu ianya perlu dilupuskan dan dijual dengan seberapa segera yang boleh oleh pihak LPN. Telah berlaku kerosakan beras yang disimpan terlalu lama dalam gudang LPN. Ini menyebabkan Kerajaan kerugian berjuta-juta ringgit. Pihak Kementerian perlu mengambil tindakan tegas terhadap para pegawai yang tidak cekap dan cuai sehingga menyebabkan kerosakan beras-beras ini.

Pihak Kementerian juga perlu menyusun strategi berasaskan kepada bekalan beras yang cukup dan pengedaran ke dalam pasaran tempatan dengan segera, sebolebolehnya sebelum tempoh kerosakan beras-beras itu. Adalah difahamkan bahawa beras itu boleh tahan tidak lebih dari tiga bulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelajaran, bagi menjimatkan perbetanjaan negara sebagai langkah mengurangkan perbelanjaan untuk pelajaran tinggi di universiti-universiti di luar negeri, pihak Kementerian perlu mengujudkan kanipus universiti di Negeri-negeri, kalau boleh di tiap-tiap Negeri dalam Malaysia. Taraf pelajaran dari institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini adalah setaraf dengan pusat pengajian tinggi di beberapa buah negara di dunia.

Kesan-kesan ekonomi ialah kita tidak dapat membawa masuk matawang asing dari menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Tahniah kepada Kementerian kerana memperkenalkan sistem lanjutan-pelajaran dua tahun sebelum keluar negeri tiap-tiap seorang pelajar itu. Para pelajar itu perlu dibersihkan pemikiran mereka mengenai adat

resam, agama, dasar Kerajaan dan sehagainya sebagai satu pendinding kepada mereka yang akan mendedahkan diri mereka dalam masyarakat barat. Telah kita lihat beberapa contoh anak muda kita telah terpesong akidahnya setelah tamat pelajaran mereka di luar negeri. Setengah-setengahnya terus bersikap negatif terhadap bangsa dan negara mereka sendiri.

Kementerian Perdagangan, sekarang ini telah ramai rakyat menjalankan perniagaan sama ada kecil atau besar dan pada masa ini pernah kita mendengar sungutan dan rayuan mereka akibat dari kemelesetan ekonomi. Salah satu sebab kata mereka ialah pengeluaran lesen yang tidak terhad oleh Kementerian. Misalnya, lesen syarikat percetakan (printing press), dengan izin, terlalu banyak di Kuala Lumpur dan di negeri-negeri lain iaitu hampir 3,500 lesen telah dikeluarkan dan ini telah memberi kesan yang buruk kepada mereka.

Begitu juga dengan perniagaan yang lain di seluruh negara, adakah pihak Kementerian telah membuat kajian mengenai perkara ini dan apakah pihak Kementerian akan mengenalkan satu sistem yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, di samping memberi kebebasan berniaga, pihak Kerajaan juga haruslah membuat garis panduan supaya tidak terlalu banyak lesen untuk kedai atau syarikat yang sama di sepanjang jalan yang sama. Jika dihadkan satu jenis lesen itu saya fikir para peniaga akan dapat menjalankan perniagaan mereka dengan lebih baik lagi.

Saya suka menyentuh iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, di mana saya difahamkan sekarang terdapat kekurangan guru-guru KEMAS akibat

penjimatan perbelanjaan Kerajaan, yang mana Yang Berhormat ketahui guru-guru KEMAS ini ialah satu perantaraan iaitu pendekatan antara rakyat dengan Kerajaan, jika setiap kampung dipastikan ada guru-guru KEMAS berkhidmat segala berita Kerajaan boleh disampaikan kepada rakyat dan segala feed back atau maklumbalas akan dapat dipungut melalui guru-guru KEMAS ini, untuk disampaikan kepada Kerajaan. Rasa saya dalam keadaan negara menghadapi pilihanraya yang hampir tiba, kekurangan guru-guru KEMAS ini patut ditambah dan dipastikan setiap kampung ada terdapat guru-guru KEMAS.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi iaitu mengenai Kementerian Pertanian. Dalam menghadapi kemelesetan ekonomi yang besar iaitu dengan merosotnya atau turunnya harga getah, kelapa sawit dan bijih timah, pihak Kementerian hendaklah mencari cara baru untuk mengubah agar petani-petani dan pekebun-pekebun kecil juga nelayan-nelayan di luar bandar benar-benar raengubah corak bagi meninggalkan taraf hidupnya supaya mereka ini dapat dipelbagaikan atau Kementerian Pertanian hendaklah mempelbagaikan hasil pendapatan petani, nelayan, pekebun kecil dan sebagainya kerana tidaklah mereka ini bergantung hidupnya atau bergantung sara pendapatannya semata-mata kepada bidang yang tertentu, seperti nelayan tidaklah bergantung sara hidupnya kepada menangkap ikan sahaja, bilamana musim tengkujuh datang mereka ini tidak dapat menangkap ikan dan hasil mereka tidak ada, mereka terpaksa berhutang kepada orang-orang tengah. Begitu juga kepada pekebun-pekebun kecil getah, kelapa sawit dan juga kelapa bilamana keadaan harga tanaman atau pertanian ini merosot, mereka ini seolah-olah hilang punca dan menyalahkan Kerajaan. Jadi, pihak

Kementerian pertanian hendaklah mengkaji sedalam-dalamnya dan mencari jalan mempelbagaikan hasil tanaman. Petani di masa merosot hendaklah berusaha memproses makanan-makanan ataupun tanaman-tanaman ini.

Saya sebutkan tadi pihak Kementerian hendaklah menggalakkan atau mengadakan industri-industri kecil di kampung-kampung yang mana kata orang kalau sedikit-sedikit lama-lama akan jadi bukit. Jadi, daripada hasil-hasil yang kecil ini, kalau setiap orang ataupun setiap kampung mengusahakan akan dapat banyak dan hasil negara pun akan dapat dalam masa yang singkat. Contohnya dalam keadaan sekarang kalau tanah-tanah terbiar di celah-celah pokok kelapa dan kopi tadi bolehlah kita galakkan mereka ini menanam sayur. Sayur, dalam masa 3 minggu, 2 bulan, 3 bulan akan dapat hasil dan tanaman ini kita boleh eksport ke Singapura dan di negara-negara jiran.

Saya terbaca di akhbar negeri Jepun pun memerlukan pisang, nenas daripada Malaysia, pucuk paku dan sebagainya. Jadi, rasa saya tanaman ini sungguhpun kecil boleh membantu petani-petani dan boleh meringankan beban negara dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini.

Rasa saya Kementerian Pertanian sudah seharusnya dan pihak Menterinya janganlah main politik sahaja, masalah titik-bengik atau rintihan rakyat yang kecil ini harus kita pandang berat kerana Kementerian Pertanianlah Kementerian yang paling hampir dengan rakyat dan boleh membantu rakyat di luar bandar yang mana telah memilih Kerajaan dapat Kerajaan kita jalankan sistem demokrasi dalam negara ini.

Rasa saya cukuplah itu sahaja, kalau ada umur, insya Allah, di lain

kali akan disambung lagi, dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan ini diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

5.27 ptg.

Tuan Tan Chang Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan tahun 1986 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kejadian telah berlaku kepada ekonomi Malaysia sejak Belanjawan itu dibentangkan. Kita kini sedang mengalami kejatuhan yang berterusan dalam harga barang-barang utama kita. Kebuntuan dalam mencari penyelesaian kepada krisis bijih timah antarabangsa telah menjejaskan pengeluaran timah negara-negara pengeluar. Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar utama dalam logam ini juga diancam oleh kemelesetan ini. Akibat buruknya boleh dikesani di lombong-lombong timah dan pekerja-pekerja lombong terpaksa diberhentikan. Ini perlu menjejaskan kehidupan para pekerja dan keluarga mereka. Nampaknya tidak ada penyelesaian kepada masalah ini. Kebuntuan ini mesti diatasi demi menjamin pertumbuhan semula industri ini. Masalah ini cuma menipakan salah satu contoh daripada akibat kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hal memberhentikan para pekerja semakin menjadi dalam berbagai sektor ekonomi, malah boleh dikatakan bahawa tidak ada satu sektor pun yang dapat menjauhkan diri daripada kesan-kesan buruk yang ditimbulkan oleh kemelesetan ekonomi. Bagaimanapun ancaman yang berlanjutan ini dapat diatasi oleh negara kita. Oleh kerana

masalah ini melibatkan setiap rakyat negara ini, maka adalah berfaedah kepada negara kita sekiranya kita semua berusaha sebagai sebuah bangsa yang bersatu. Untuk menyelesaikannya kita mesti kekal sebagai sebuah bangsa yang dibina berlandaskan ciri-ciri kepercayaan dan keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini juga telah diancam oleh peningkatan dalam aliran polarisasi kaum dan ekstrimisme agama. Apakah punca-punca kepada masalah polarisasi kaum? Apakah punca-punca kepada masalah polarisasi kaum? Apakah kita berani sungguh untuk mendalami masalah ini? Bolehkah kita menyembunyikan masalah ini? Bukankah masa telah tiba di mana kita harus mengawal perkembangan-perkembangan yang semakin meningkat ke arah masalah polarisasi kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya bahawa rakyat berbilang kaum di negara ini tidak berdaya untuk mengatasi masalah polarisasi kaum. Apa yang perlu kita lakukan ialah memahami kerisauan yang menyelubungi mereka. Kita mesti mengenalpasti kerisauan-kerisauan yang dihadapi oleh setiap masyarakat yang berbilang kaum itu. Rundingan dan pemuafakatan yang lebih baik mesti diwujudkan dengan melibatkan satu spektrum masyarakat-masyarakat Malaysia yang lebih luas.

Bersama-sama dengan itu, saya percaya seandainya kita berhasrat dan berazam untuk mengatasi masalah tersebut, maka kita harus menubuhkan sebuah Majlis Perundingan Nasional yang melibatkan berbagai lapisan masyarakat Malaysia di mana pandangan-pandangan ikhlas mereka yang bukan berlandaskan perasaan dapat mereka utarakan. Rundingan dan pemuafakatan tidak akan dicapai

sekadar dengan penilaian dari segi kacamata media awam. Ia bukan sebuah sesi untuk mencari modal politik dan ia juga bukan sesi untuk mempamerkan keunggulan seseorang berbanding dengan yang lain. Ia adalah sebuah sesi untuk mencari pemuafakatan demi pembinaan bangsa. Ia juga adalah sebuah sesi untuk mencari punca-punca yang mengakibatkan masalah polarisasi kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya tetap berpegang kepada "Doctrine Reciprocity" yang telah-beberapa kali saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini. "Doctrine Reciprocity" ini bertujuan untuk menyemai sikap saling memberi dan bertolak-ansur di antara masyarakat-masyarakat yang berlainan di negara kita. Saya percaya bahawa keadilan yang wujud dalam sebuah masyarakat akan melahirkan keadilan dalam masyarakat lain, Amalan baik yang dilakukan oleh sebuah masyarakat akan dibalas dengan jasa yang sama dari masyarakat lain. Bersikap optimis memang mempankan perangai semula jadi saya. Saya percaya sungguh akan kewujudan perasaan muhibbah dan mesra secara semula jadi pada manusia. Ia mungkin wujud secara terpendam, walau bagaimanapun ia mesti disemai dan diasuh.

Tuan Yang di-Pertua, kita berikrar untuk percaya pada prinsip kesamaan dan apa yang kita lakukan adalah semata-mata bertujuan untuk membina sebuah masyarakat yang adil dan saksama. Kita berhasrat hendak mengakhiri segala kesengsaraan dan kemiskinan yang dideritai oleh rakyat kita tanpa mengira kaum. Kita ingin melihat rakyat kita hidup bahagia. Sebuah masyarakat yang adil dan saksama wujud berlandaskan layanan yang diberi secara sama rata kepada semua rakyat. Penderitaan rakyat kita mesti dikurangkan. Namun demikian, kesamaan sebegini tidak akan tercapai

sekiranya rakyat kita dibahagikan ke dalam pelbagai kelompok.

Pembahagian buatan sebegini cuma menambahkan perasaan tidak puas hati dan kebimbangan di kalangan masyarakat kita yang berlainan kaum itu. Bantuan harus dihulurkan kepada orang-orang miskin. Masalah kemiskinan wujud tanpa mengenal rasa. Terdapat golongan yang tidak berada di Malaysia. Kita mesti memastikan bahawa sebarang bantuan yang diperuntukkan mesti diberikan kepada semua golongan yang tidak berada dan miskin. Dalam konteks pembentukan sebuah masyarakat yang adil dan saksama, aspirasi-aspirasi kesemua masyarakat Malaysia mesti dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, bukan kesalahan kita seandainya kita tidak dapat memenuhi kesemua aspirasi mereka dalam satu jangka masa yang sama. Tetapi kita mesti berjanji dan mengumumkan bahawa kita bersedia untuk memenuhi aspirasi-aspirasi itu ketika proses pembentukan bangsa berjalan di negara ini. Polisi-polisi yang dilafazkan seharusnya dirumuskan untuk kepentingan bangsa tanpa mengira kaum. Prestasi yang baik mesti diberi ganjaran. Konsep "meritocracy" mesti dijadikan sebagai objektif yang mutlak dalam segala usaha kita. Ia mesti merupakan kayu pengukur yang mutlak dalam menilai sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh seseorang. Ia juga mesti menyerupai kayu pengukur dan menentukan perkhidmatan para pekerja dalam perkhidmatan awam dan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi tinggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, "Doctrine Reciprocity" menyeru supaya kita mengambilkira akan kepentingan-kepentingan jangka panjang negara yang kita semua cintai ini. Setiap

masyarakat tidak harus dibuat seolah-olah mereka telah disisih dan ditindas. Bersama-sama mereka seharusnya menikmati nasib yang serupa dalam bahtera Malaysia ini. Kita mesti pastikan bahawa bahtera Malaysia ini sampai ke destinasi dalam keadaan yang selamat dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, bahtera Malaysia cuma dapat sarapai ke destinasi sekiranya kita menyatukan segala usaha kita untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita. Kita mesti mengawal aliran perkembangan yang semakin meningkat ke arah polarisasi kaum. Kita mesti berusaha menyusun semula program-program dan dasar-dasar yang bercenderung membahagi-bahagikan rakyat kita. Kecenderungan ini kalau telah berakar umbi, pasti akan dinilai dari perspektif yang berlainan oleh setiap masyarakat yang berlainan kaum itu biarpun sesuatu dasar atau program yang dirumuskan oleh pihak Kerajaan adalah bermotif baik. Ini akan menambahkan perasaan syak wasangka di kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita seringkali terdengar akan jaminan-jaminan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin negara, di antara mereka termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri-menteri lain yang menjawab portfolio penting dalam Kabinet. Namun demikian, sekadar memberi jaminan adalah tidak mencukupi. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Seksyen 21 (2) yang termaktub dalam Akta Pelajaran, 1961. Kepada masyarakat Cina di Malaysia, kebimbangan dan keraguan mereka terhadap kewujudan Sekolah-sekolah Rendah Cina akan berkekalan selagi Seksyen ini bersifat undang-undang yang termaktub. Meskipun demikian, kita bersyukur kepada Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran di atas jaminan-jaminan

mereka termasuk hajat baik mereka sebagaimana yang tercatat dalam seksyen 34.1 dalam Laporan Pelajaran Jawatankuasa Kabinet.

Laporan ini adalah berkenaan dengan sistem pelajaran negara kita dan ia lazim dikenali sebagai Laporan Pelajaran Mahathir. Tetapi kebimbangan ini tidak akan diredakan sekiranya Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran masih wujud. Kalau bukan kerana hajat baik mereka itu, saya ingin mengesyorkan supaya seksyen ini dimansuh atau digubal demi mencerminkan hajat sebenar mereka supaya selaras dengan jaminan-jaminan yang telah mereka berikan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan pengenalan terbaru "Rancangan Muhibbah Murid-murid Untuk Perpaduan" yang telah menimbulkan perasaan takut di kalangan masyarakat Cina akibat daripada kekurangan rundingan dan permuafakatan daripada mereka. Masyarakat Cina menganggap tindakan ini sebagai suatu usaha untuk mencabuli hak asasi mereka untuk mempelajari bahasa ibunda. Sehingga kini, masih terdapat kebimbangan yang berterusan terhadap hajat sebenar program ini. Saya berharap supaya Menteri berkenaan akan memberi keutamaan untuk berunding dengan pertubuhan-pertubuhan pendidikan dan sering mengadakan dialog untuk menghilangkan sebarang miskonsepsi yang muncul dalam program itu.

Tuan Yang di-Pertua, berucap mengenai pendidikan, saya mesti menegaskan sekali lagi bahawa pelajaran ialah sejenis pelaburan yang bijaksana demi kesejahteraan negara ini. Saya juga percaya bahawa pendidikan tidak mengenal ras. Pelajaran yang diberi kepada sesiapa pun akan menguntungkan negara ini. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, kita mesti mempertimbangkan

peri pentingnya konsep "meritocracy" dalam usaha menentukan peluang melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi. Pendidikan mesti menanamkan nilai-nilai umum dan sejagat dari setiap masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, bersamaan dengan itu, sistem pendidikan kita akan memenuhi keperluan-keperluan yang dikehendaki negara ketika kita memasuki abad ke 21. Dan kini kita dengan secara perlahan-lahan telah mentransformasikan masyarakat kita kepada sebuah masyarakat maklumat (information society). Kita tidak lagi boleh mengurungkan diri kita daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku di luar persekitaran negara kita. Pendek kata, kita mesti bersiap-sedia untuk menghadapi sebarang perkembangan yang semakin meningkat dalam bidang teknologi sekiranya kita hendak berlumba dengan berjayanya dalam dunia yang paling competitive ini. Ini menyeru supaya diadakan satu pendekatan liberal, dengan izin, liberalisation approach ke arah memenuhi keperluan-keperluan pendidikan negara ini. Usaha-usaha Kerajaan dalam bidang pelajaran tingga kita adalah terhad sekali. Pendekatan liberal ini menyeru supaya pihak Kerajaan membenarkan sektor swasta mendirikan institusi-institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menghadapi masalah dasar perlindungan perdagangan yang dikenakan oleh negara-negara lain. Begitu juga dengan peningkatan dalam dasar perlindungan pendidikan yang dikenakan oleh negara-negara maju. Contoh terbaru telah diperlihatkan oleh negara Australia. Sebelum itu, masalah yang serupa juga kita temui di England. Kita tidak tahu di mana peneanaan yang sekiranya akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, bleh itu adalah penting supaya kita berdiri di atas kaki kita sendiri dan mengamalkan satu pendekatan yang liberal dengan membenarkan sektor swasta mendirikan institusi-institusi pengajian tinggi tanpa sebarang sekatan dikenakan ke atas mereka. Berikutan dengan itu, institusi-institusi pengajian ini boleh meringankan masalah-masalah tersebut dan pada masa yang sama membantu negara ini menjimatkan wang pertukaran asing. Implikasi sosialnya ialah ramai ibubapa tidak payah kluatir dengan kesejahteraan anak-anak mereka yang belajar di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi akan berlanjutan semata-mata kerana ekonomi negara kita amat bergantung pada pertumbuhan semula ekonomi negara-negara maju. Ini adalah-suatu hakikat yang tidak dapat kita nafikan. Selagi kedudukan ekonomi dunia tidak pulih, maka selagi itulah kita akan terancam.

Oleh itu, dalam menghadapi tempoh yang rumit ini, kita mesti kekal bersatu dalam mengatasi masalah ekonomi negara ini. Kita tidak patut dipisah-pisahkan. Kita tidak patut mewujudkan masalah-masalah yang boleh menimbulkan lebih banyak kebimbangan dan syak-wasangka di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum itu. Kita mesti mencari satu penyelesaian untuk mengakhiri kegelisahan ini. Sebagaimana yang telah saya katakan terlebih dahulu, punca kepada pembentukan bangsa wujud dengan mengukuhkan sifat saling mempercayai dan persefahaman di kalangan masyarakat kita yang berlainan kaum itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berucap

di sini. Akhir sekali, saya ingin menyokong Belanjawan 1986 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim.

5.50ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk turut sama membincangkan Rang Undang-undang ini iaitu setelah diteliti dan dikaji, maka kita dapat memberi kesimpulan bahawa Belanjawan yang didedahkan ini adalah satu Belanjawan yang patut diberikan tahniah kepada Menteri berkenaan yang telah pun menyediakan peruntukan yang disesuaikan dengan kedudukan Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Sebelum saya menyentuh bahagian Kementerian-kementerian ini, maka saya tertarik hati dalam penekanan pembentangan Belanjawan ini, terutama sekali ialah di dalam bahagian cukai minuman keras yang telah dijelaskan, iaitu salah satu sebab Kerajaan mengenakan duti yang tinggi atas minuman keras dan rokok ialah kerana kesan buruk ke atas kesihatan. Ini saya ucapkan tahniah kepada Menteri yang telah pun menunjukkan secara langsung di dalam pembentangan ini dan kita nampak bahawa minuman keras ini, sama ada disedari ataupun tidak, sudah ada sindiket bahawa minuman keras secara bentuk minuman kepada orang-orang yang kurang berpendapatan, iaitu satu sindiket yang telah mempeketkan minuman keras ini melalui harga yang murah yang tak sampai \$1 dan didapati telah banyak kalangan-kalangan muda ataupun kalangan-kalangan penuntut-penuntut

sekolah membeli minuman ini yang tidak secara langsung tak dapat kita kesan, tetapi minuman ini telah menjalar sekarang ini. Jadi untuk kita hendak mengurangkan ketagihan dadah bagi bilangan anak-anak ini, maka sekarang sudah timbul pula satu sindiket mempeketkan minuman keras ini boleh dibeli dengan harga 50 sen atau 40 sen asalkan budak-budak ini boleh dapat menagih minuman-minuman tersebut. Maka ini saya minta perhatian supaya pelesenan sindiket ini kalau benar dapat dikesan hendaklah diharamkan terus kerana ini sangat merbahaya dan ini dapat dibeli di kedai-kedai ataupun di warung. Maklumat-maklumat ini adalah satu terima daripada beberapa orang yang telah menyuarakan supaya ini dapat disebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang keduanya, saya tertarik hati dalam pembentangan cukai perjudian di mana ditulis, "untuk mencerminkan keadaan semasa, adalah perlu beberapa bayaran perjudian ke atas kasino dikaji semula. Oleh itu adalah dicadangkan supaya duti kasino dan levi ini dinaikkan." Dalam masalah perjudian ini saya nampak perjudian tikam ekor yang sedang berjalan begitu rancak di kawasan-kawasan luar bandar dan di kawasan-kawasan bandar-bandar yang kecil. Kalaulah kasino ini diletakkan satu pusat perjudian di mana orang miskin tidak boleh pergi sampai ke kawasan itu dan tak terdaya untuk hendak berjudi, tetapi telah disediakan pula untuk orang-orang yang daif ini atau orang papa ini boleh berjudi pula di dalam pekan-pekan yang kecil, iaitu di mana kedai-kedai tikam ekor ini ataupun kedai-kedai empat nornbor ini tidak dapat dikawal langsung ketumbuhannya dan galakan itu telah banyak memusnahkan keadaan orang-orang kampung. Walaupun kita nampak perjudian tikam ekor ini hanya dengan harga 50 sen ataupun \$1 bagi satu-satu tiket itu, tetapi ini telah sanggup satu orang itu membeli sampai angka \$10. Ini

saya rasa kalau Kerajaan bertindak bahawa perjudian tikam ekor ini hendaklah diharamkan kalaulah mahu hendak menyelamatkan masyarakat luar bandar dan hendak menyelamatkan masyarakat orang Melayu dalam kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi, kalau tidak, saya rasa kita hanya boleh bercakap tetapi kita tak boleh menyelamatkan. Dengan sebab itu, perjudian yang sedang berlaku sekarang ini secara terbuka dengan tidak mengindahkan keadaan dan suasana dan saya nampak, saya sudah pergi dan tengok sendiri kedai-kedai yang seumpama ini memang yang paling ramai sekali datang adalah orang Melayu, yang mendapat hasil yang kecil sebagaimana yang didedahkan oleh beberapa rakan-rakan yang terdahulu tadi bahawa sekarang ini kita berada dalam keadaan negara meleset ataupun negara yang tidak begitu baik ekonominya, tetapi rakyat di luar bandar yang menjerit mengatakan kekurangan duit itu tadi telah main judi. Dengan sebab itu, cukai perjudian kasino yang dimaksudkan di dalam pendedahan ini maka hendaklah dilaksanakan supaya orang-orang yang benar-benar mengatakan duitnya banyak, dia hendak pergi berjudi, itu terpulanglah kepada dia, tetapi orang yang kecil-kecil ihi sudahlah tak ada wang, sudahlah tak ada apa-apa pada dia, tetapi kita cuba sekat jangan dia sampai terceburlah ke dalam perjudian ini.

Selain daripada itu, saya inginlah masuk ke dalam penyentuhan tentang Kementerian-kementerian. Yang pertama sekali, saya ingin menyentuh peruntukan yang diuntukkan kepada Jabatan Perdana Menteri di mana B. 7 yang diestimatekan \$395,151,900 ini, maka ini adalah satu peruntukan yang besar yang diberi kepada Jabatan Perdana Menteri. Kegiatan-kegiatan di dalam Jabatan Perdana Menteri ini saya ingin menyentuh dalam masalah penyediaan Mahkamah-mahkamah Syariah di mana semalam telah pun saya buat pertanyaan kepada Menteri berkenaan, iaitu di dalam

pelaksanaan kita untuk menjalankan undang-undang keluarga di negeri-negeri yang telah pun mempunyai kesanggupan dan telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan, tetapi apa yang menjadi masalah setelah kita kaji dan kita tinjau dan kita tengok bahawa kita dapati penyediaan tempat dan pegawai-pegawai yang terlibat di dalam Mahkamah Syariah yang menjalankan hukum keluarga ini tadi tidak dapat hendak dijalankan kerana tidak ada penyeliaan yang sempurna. Umpamanya, tempat-tempat yang sesuai yang boleh diiktiraf sebagai sebuah mahkamah. Dengan sebab itu, inginlah saya menyentuh supaya satu peruntukan dapat diberi kepada Mahkamah-mahkamah Syariah ini supaya dapat dibina satu mahkamah yang sesuai, kalau tak mahupun boleh dapat disamakan dengan mahkamah-mahkamah daerah yang ada sekarang, dapatlah sedikit disesuaikan dengan mahkamah-mahkamah tersebut.

Yang keduanya, masalah dakwah. Masalah dakwah ini puh menggunakan perbelanjaan yang besar dan saya ucap tahniah banyak kepada Kementerian di Jabatan Perdana Menteri ini kerana telah dapat melaksanakan di dalam bulan yang akhir ini, iaitu dengan mengadakan guru-guru bagi mengajar di masjid-masjid dengan elaun-elaun yang tertentu yang telah diuntukkan oleh Kementerian di Jabatan Perdana Menteri ini. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas daya usaha itu.

Selain daripada itu, saya menyentuh dalam masalah Tabung Haji. Tabung Haji ini selalu sangat diperkatakan dan setiap tahun semua orang bercakap, baik Ahli Dewan ini ataupun orang di luar Dewan. Orang yang di dalam Dewan ini manakala dia pergi ke Mekah pada tahun yang lalu, bila sampai kepada masa bersidang ini, dia akan bercakap berhubung deogan Tabung Haji. Jadi, yang saya

nampak Tabung Haji ini perkhidmatannya dari semasa ke suatu masa adalah bertambah baik dan bertambah teratur, tetapi yang menimbulkan masalah yang banyak, iaitu ada kesilapan-kesilapan bagi penceramah-penceramah Tabung Haji ini kepada bakal-bakal haji yang hendak pergi ke Mekah.

Yang pertama sekali yang saya nampak kelemahan-kelemahannya iaitu tak pernah kita dengar bahawa mereka yang hendak pergi ke Mekah ini dipesan bahawa orang-orang yang dijemput untuk sampai ke Mekah atau sampai ke Madinah, ataupun mereka yang menjadi tetamu Allah dan menjadi tetamu junjungan kita Rasulullah s.a.w., ini adalah orang-orang pilihan. Tabung Haji hanya boleh menyediakan kemudahan-kemudahan yang terupaya tetapi tidak boleh memberi jaminan bahawa kita akan menjaga keselamatan mereka, sebab tiap-tiap diri orang yang sampai ke rumah Allah ini ataupun tiap-tiap orang yang sampai ke bumi haram ini tidak semestinya sama mendapat nikmat dengan orang yang lain kerana di situ adalah satu penilaian yang diberi oleh Allah kepada mereka yang menunaikan haji. Jadi, tidak patut rasa saya perkara ini selalu sangat kita perkatakan bahawa kita pergi ke Mekah atau kita pergi ke Madinah, keinginan kita untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan dan mendapat keselisaan-keselisaan dan sebagainya. Bagi pihak Tabung Haji saya rasa ini harus ditekankan kepada bakal-bakal haji bahawa kawalan kesihatan yang boleh kita beri ini sekadar kita sebagai manusia yang boleh membuat kawalan di atas kesanggupan yang ada pada kita, yakni pihak Tabung Haji; tetapi bagi orang yang sampai ke saha itu dia terpaksa sanggup menerima dugaan-dugaan yang diberikan oleh Allah sebab orang yang datang ke situ tak sama kedudukannya. Ini harus didedahkan dan saya sudah buat

sedikit kajian—tenguk, kaji dan perhatikan—saya nampak kesilapan orang-orang Tabung Haji ini kadang-kadang mereka kata bahawa Tabung Haji sanggup buat itu, sanggup buat ini, sanggup buat itu, sanggup buat ini. Akhirnya banyak kelemahan-kelemahan yang tak dapat kita selesaikan. Selepas itu jemaah haji bila dia balik, dia akan memukul kepada pihak Tabung Haji, tetapi kalau mereka ini faham bahawa pertolongan-pertolongan yang diberikan oleh pihak Tabung Haji itu hanya pertolongan secara manusia, tetapi pertolongan secara sebenarnya adalah daripada Allah s.w.t.

Contoh yang saya beri umpamanya seorang yang pergi, dia kata, dia tak dapat hampir kepada Hajar Aswad. Kita tanya dia, dia kata: Macam mana dia hendak sampai ke Hajar Aswad, begitu ramai orang, penuh sentiasa, tiap-tiap waktu penuh. Saya hendak rapat pun tak boleh, kepala saya pusing, hendak cium Hajar Aswad jauh sekali. Jadi, kita kata: Tak betullah cakap macam itu. Sepatutnya dia kena mohon kepada Allah s.w.t., padang Baitullah itu, minta dengan Tuhan, "berilah aku peluang hendak rasa nikmat cium Hajar Aswad". Jadi, tak dapat cium Hajar Aswad pun dia salahkan juga Tabung Haji kerana Tabung Haji tak pimpin dia bawa ke Hajar Aswad, jadi dia tak dapat cium. Ini satu contoh yang paling kecil sekali dalam masalah-masalah beribadat dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya Tabung Haji ini mengempenkan dengan bakal-bakal haji ini dimasukkan unsur-unsur bentuk ini; bahawa kita orang-orang Tabung Haji hanya menyediakan sekadar yang mampu oleh kita, tetapi tuan-tuan mungkin dapat lebih baik layanan di atas pertolongan Allah s.w.t. di atas keikhlasan niat tuan-tuan datang untuk beribadat, Allah s.w.t. akan beri peluang ini kepada tuan-tuan. Sepatutnya itu didedahkan supaya orang ini faham bila dia

faham, insya Allah dapat kita rasai berbagai-bagai keadaan.

Sepertimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Harun tadi, iaitu mengenai dengan "Aziz Khooger". Semua masalah ini sepatutnya tak boleh ditimbulkan, rasa saya. Banyak sangat masalah-masalah yang ditimbulkan untuk Tabung Haji. Dengan sebab itu, saya memandang berat masalah ini dan janganlah terlalu lantang kita mengatakan bahawa kita ada mempunyai kesanggupan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan dia, menjaga kewangan dia dan sebagainya. Maknanya kita hanya sanggup menyediakan atas kesanggupan kita sebagai manusia, sebagai kita pihak pemerintah, kita hantar pegawai-pegawai kita menjaga keselamatan-keselamatan mereka ini; tetapi untuk hendak mendapat sepenuhnya terpulanglah kepada keadaan diri, keikhlasan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya menyentuh Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini pun satu masalah juga. Jabatan Perkhidmatan Awam ini maknanya banyak kedapatan kepada kita perkara-perkara iaitu kadang-kadang layanan di atas satu-satu perkara yang penting, pegawai-pegawai ini tidak begitu bersih hatinya untuk hendak memberi pertolongan.

Satu contoh yang saya hendak beri, saya pernah telefon kepada satu Jabatan, dengan tak mengatakan saya siapa. Saya minta pertolongan, begini, begini. Dia tengking saya dalam telefon. Saya kata: Yang bercakap ini, saya ini orangnya. Bila sudah dengar itu, baru dia "slow". Dia kata: "Saya minta maatlah, Yang Berhormat". Jadi, sifat-sifat yang seperti ini rasa saya tak patut sangat. Biar layanan itu sama. Saya selalu menyamar.

Baru-baru ini pun ada satu Jabatan. Namanya saya tak payah cakaplah. Saya kata: "Minta tolong buatkan

benda ini kerana mustahak". Saya memakai ketayap, nampak tak handsome pula, tak pakai macam sekarang ini, kalau pakai macam sekarang ini orang hormat. Saya pergi masuk pejabat, pakai selipar, pakai baju biasa, pakai ketayap, orang tak kenal. Saya kata: "Tolong sedikit boleh tak?" Dia kata: "Tak boleh, ini hendak 3 bulan." "Ha! 3 bulan", saya kata. "Kalau Tuan Haji hendak 3 bulan bolehlah". Saya kata: "Minta tolonglah". "Tak apalah, 1½ bulan", kata dia. "Eh! mengapa pula lama sangat, kata saya, kalau tak boleh tolong, beri saya peluang hendak jumpa pengarah boleh?" Dia kata, "Kalau berani pergilah jumpa". Saya kata: "Tak apalah". Kemudian keluar satu orang. Dia tanya saya: "Apa hal?" "Tak ada apa, saya hendak minta tolong dengan budak-budak ini, dia kata 3 bulan". "Apa bendanya yang 3 bulan itu? Ini takapa, 2 hari boleh buat", katanya. Ini apa benda? Jadi, saya jumpa pegawai itu, dia kata: "Macam mana ini, Yang Berhormat? Bila hendak?" Saya kata: "Tak apalah, saya beri satu minggu".

Selepas itu, saya pergi kali yang kedua, belum pun diusik kertas itu. Saya masuk dalam bilik pengarah itu, setengah jam disiap. Selepas itu saya minta satu lagi surat lain. Saya kata: "Boleh tak buat yang ini?" Dia kata: "Tunggu, Yang Berhormat, 10 minit boleh?" Pada hal orang lain datang sampai 2 bulan. Ini apa bendanya. Ini saya hendak bertanya, apa bendanya yang jadi macam ini? Jadi, maknanya kita yang tahu rahsia itu, kita yang dapat menikmati kemudahan itu, tetapi kalau sampai kepada peringkat orang kampung, orang yang pakai ketayap seperti yang saya katakan tadi, dia terpaksa menunggu 3 bulan. Masalah ini terlalu menjalar, baik daripada Jabatan Tanah dan sebagainya, macam-macam masalah. Dengan sebab itu, saya minta supaya perkara ini dapat dikaji

semula dan orang-orang ini mesti ada keikhlasan bekerja.

Kita pun biasa kerja dengan Kerajaan dahulu, kita tahu mana masalah yang boleh kita cepatkan, mana masalah yang tak boleh kita cepatkan. Hanya sekadar menukar nama dan selepas itu sign, rasa saya, tak perlu hendak sampai 3 bulan. Selepas itu dia tunjuk kepada kita buku tebal dan kata, "Tengok ini, ini semua belum boleh". Selepas itu kita tengok orang dalam semuanya membaca suratkhobar, bukan ada benda. Setengahnya yang di sudut makan nasi lemak, yang setengah itu baca suratkhobar. Kita duduk tercongok di depan. Yang bercakap itu budak pejabat (peon), yang menengking kita itu kerani,

Bila dia dengar saya sudah begitu, kali yang kedua pun saya pakai ketayap juga, pakai macam itu juga. Tetapi dia tengok saya sudah masuk bilik pengarah, masing-masing sudah kelam-kabut. Dia kata: "Siapa itu?" Inilah sikap. Ini kita tak mahulah, jangan kita biar kemudahah dibuat macam itu, tetapi kita patutlah memikirkan orang awam, orang kampung, sudahlah layanan tak betul.

Kita datang ke situ pula dia tidak peduli. Jadi, ini saya minta perhatian sungguh-sungguh, kerana kita hendak menerapkan kecekapan, amanah, bersih ini semua sekali hendak masuk, bersih cekap, amanah, tetapi kita tidak boleh menzahir mungkin orang tingkat atas tidak tahu sehinggakan Pengarah dalam bilik pun tidak tahu. Yang tahu hanya sekitar kakitangan yang di luar. Jadi, dia buka mata dengan kita itu lain sangat. Jadi, dia ingat kita ini orang kampung bila dia buka mata macam itu, kita takut. Kalau kena buku dengan ruas, baru dia tahu. Ini masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam masalah Kementerian Pelajaran yang diberikan

B. 26 ini satu peruntukan yang paling besar. Tidak payahlah saya baca, takut salah baca, iaitu mengenai sekolah agama dan sekolah rakyat. Saya mengucapkan tahniahlah, nampaknya perubahan-perubahan itu beransur. Tetapi walau bagaimanapun kita minta supaya perubahan-perubahan ini terus dan kenikmatan-kenikmatan kemudahan pelajar dapat dirasakan oleh semua rakyat. Jadi, saya sudah capak penggal yang dahulu, nampaknya kali yang ini benda itu sudah banyak berubah, beransur. Terima kasih banyak dan ucapan tahniah.

Kemudian tentang dasar pelajaran ini. Dasar pelajaran yang saya nampak baik tetapi dalam pada baik itu ada benda yang boleh dibaiki lagi terutama sekali mengenai sejarah. Nampaknya sejarah ini tidak begitu ditekankan sangat dalam sekolah-sekolah rendah dan sebagainya sekarang. Kalau kita kaji balik sukatan pelajaran sejarah ini, nampaknya banyak budak-budak kita atau anak-anak kita tidak faham, tidak sepertimana kita orang sekolah dahulu. Kita orang sekolah dahulu mula-mula kita mengenalkan sejarah masyarakat yang berhampiran dengan kita. Lepas itu baru kita berpindah.

Sekarang ini nampaknya kadang-kadang dalam masalah knowledge ini budak-budak kita terlalu kurang. Kadang-kadang kita hendak tanya dia siapa wakil rakyat dalam kawasan dia pun dia tidak tahu. Nama orang-orang yang patut dia tahu dalam kawasan dia pun dia tidak tahu. Sudahlah dia tidak kenal keadaan yang lain yang besar-besar dia tidak kenal, yang mudah-mudah kita tanya pun dia tidak tahu. Kadang-kadang yang lulus SPM kita bawa interview, kita tanya siapa nama Menteri Besar pun dia tidak tahu, ini tidak patut. Itu yang saya kata. Jadi maknanya knowledge ini kena betulkan balik. Macam mana perubahannya supaya buat balik dahulu macam mana orang dahulu kita

mengenalkan sejarah tempat kita sebelum kita melangkah kepada sejarah orang lain.

Kemudian tentang didikan moral. Didikan moral yang ada di peringkat sekolah ini sama ada sekolah rendah atau pun sekolah menengah ini perlu diperhebatkan. Janganlah ada kalangan guru-guru yang di sekolah cuba menyembunyikan siaran Kementerian yang membolehkan dan meringankan bagi pihak ibubapa dan orang kampung. Contoh yang saya nampak masalah pakaian. Masalah murid ini sudah ada pekeliling Kementerian supaya penuntut-penuntut Islam ini boleh memilih pakaian baik daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah. Sekolah menengah itu saya rasa boleh pakai, sudah baik. Tetapi yang rendah ini ada pekeliling yang membolehkan kanak-kanak laki-laki itu dipakai seluar panjang dan kanak-kanak perempuan boleh memakai mini telekong. Maka ada sekolah-sekolah yang tidak mahu membenarkan murid-murid ini berpakaian demikian kerana anggapan mereka tidak berapa sesuai dan susah budak ini bergerak.

Jadi, rasa saya ini tidak kena dari unsur moral ataupun unsur pendidikan kita. Sebab didikan kita hendak perlu bagi dia kenal tutup kepala, bagi dia kenal tutup aurat ini semenjak daripada kanak-kanak lagi. Jadi, saya rasa kalau ada bapa-bapa atau penjaga yang sudah memilih pakaian anaknya seumpama itu maka pihak sekolah tidaklah boleh menahan ataupun membuat suatu keadaan suasana yang tidak begitu baik kepada ibubapa dengan sekolah. Saya harap ini dapat ditekan juga. Dan begitu juga pakaian guru-guru terutama sekali kalau ada guru-guru yang mengajar bahasa asing yang duduk dalam masyarakat orang Melayu, saya rasa ini pun kena tekan juga. Kalau dia hendak pakai gown, biar gown itu bawah daripada lutut. Janganlah di atas pada lutut. Ini tidak

sesuai. Kepada orang Melayu ini tidak ada pilihah. Orang Melayu ini mestilah dia memakai baju kurungkah atau mini kurungkah atau kebanyakah atau sebagainya. Janganlah dia pakai benda-benda yang lain. Jangan dia sampai terbuka di hadapan suku, belakang suku. Itu pun sekarang kita sudah sampai kepada penerapan-penerapan Islam dalam semua pentadbiran kita. Asas penerapan ini ialah dalam bidang pelajaran.

Kalau dalam bidang pelajaran kita tidak dapat laksanakan maka tempat yang lain lebih susah sebab punca pendidikan ini adalah datang daripada guru. Sebab itu dalam bidalan orang Melayu kita, ada dikata kalau gurunya kencing berdiri, anak muridnya kencing berlari. Itu menunjukkan bahawa didikan ini penting. Sebab itu didikan melalui sekolah ini adalah penting. Dengan sebab itu, pakaian guru ini dipandang berat.

Selain daripada keperluan-keperluan murid-murid yang tinggal di asrama. Keperluan murid-murid yang tinggal di asrama ini khususnya yang mendapat asrama penuh. Saya sungguh dukacita keadaan yang ada di Kolej Islam di Kelang bahawa murid-murid di asrama laki-laki itu seringkali tidak ada mempunyai kecukupan air. Nasib baik asrama itu berhampiran dengan masjid maka murid-murid ini bolehlah pergi ke masjid mandi. Kerana saya di situ telah ditugaskan duduk sebagai pengurus PIBG maka saya telah didesak tentang keadaan ini dua, tiga kali, lepas itu saya kata, saya sudah bawa perkara ini dan sudah saya cakap. Tetapi nampaknya pemerhatian itu lambat sangat. Jadi, sebab itulah sebagai kita asrama penuntut-penuntut yang berunsur agama ini perlu kepada air. Tahulah sebabnya perlu kepada air kerana mereka ini hendak sembahyang dan sebagainya, Tetapi kalau sudah sampai tidak boleh mandi, air tidak cukup, tidak patutlah dibiarkan

begitu. Sepatutnya ini diusahakan segeranya.

Setelah saya temui beberapa pihak, semua mengatakan dalam perhatian. Tetapi sebab saya yang diberi tanggungjawab untuk menyuarakan hal ini, saya minta sangatlah bahawa air di Kolej Islam asrama laki-laki ini dapat disegerakan, janganlah berikan kanak-kanak kita ini sentiasa susah, terpaksa bangun pukul 4 pagi pergi mandi dekat masjid bergilir-gilir dan tengahari tidak dapat hendak mandi, hendak bersukan tidak boleh kerana air tidak ada hendak mandi. Jadi, ini masalah besar.

Satu lagi ialah tahniah juga saya kepada Kementerian Pelajaran di mana telah pun menyempurnakan harapan kita iaitu menempatkan beberapa orang pegawai agama di Jabatan Pelajaran di luar negeri. Mengikut jawapan Menteri tempoh hari, sekarang ini sudah ada tujuh, lapan orang pegawai agama yang diletakkan di Jabatan Pelajaran di luar negeri untuk mengawal keadaan dan suasana pelajar-pelajar kita di luar negeri yang telah diheboh-hebohkan bahawa pelajar-pelajar ini hari ini sering didatangi oleh pendakwah sehinggakan mereka ini tidak dapat menumpukan pelajaran mereka secara menyeluruh dalam masa mereka berada di tempat pengajian tersebut. Dan banyak pula manakala dia balik ke sini, dia tidak mahu bekerja kerana dia memikirkan tidak betul keadaan yang ada sekarang dan banyak tuduhan-tuduhan tentang Kerajaan kita dan keliaran mereka hasil daripada dakwah yang mereka perolehi.

Jadi, tindakan ini nampaknya tindakan segera yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran memilih guru-guru yang mempunyai kewibawaan yang boleh memimpin dari segi dakwah dan menjaga kemuslihatan pelajar-pelajar-di luar negeri ini, saya

sekali lagi mengucapkan tahniah dan diminta supaya diperbanyakkan dan lebih cepat lagi kepada tempat-tempat, kawasan-kawasan yang belum ada pegawai agama di Jabatan Pelajaran luar negeri ini.

Akhirnya dalam masalah Kementerian Pelajaran ini, saya menyeru supaya dapat perhatian dalam Rancangan Malaysia Kelima itu tambahan bilik darjah bagi sekolah-sekolah rendah di luar bandar. Tambahan bilik-bilik darjah bagi sekolah-sekolah luar bandar ini penting sebab manakala bilik darjah ini tidak dapat dilengkapkan dan tidak dapat disempurnakan maka sekotah-sekolah itu terpaksa dibuka pagi dan petang.

Bagi orang-orang yang tinggal di bandar, sekolah pagi dan sekolah petang itu tidak menjadi masalah, sama ada anaknya itu bersekolah di waktu pagi atau sekolah waktu petang. Tetapi bagi mereka yang tinggal di luar bandar, ini satu masalah yang besar. Akan melibatkan banyak perbelanjaan dan melibatkan beberapa kesusahan kerana berulang alik itu memakan masa yang paling banyak dan menggunakan perbelanjaan yang banyak.

Kalau sekiranya sekolah luar bandar itu dibuat sebelah pagi, kalaulah bapa dia atau penjaga dia mampu untuk menghantar anaknya pergi dua orang, balik nanti ambil dua orang, itu sudah mengurangkan perbelanjaan. Kalaulah dibuat seorang pagi, seorang petang, petang pula hendak kena pergi hantar, tak ada kemampuan. Hendak ambil pula dengan naikkan dengan bas dan sebagainya akan menggunakan perbelanjaan yang besar. Jadi inilah perkara yang saya menyeru kepada Kementerian ini supaya tambahan bilik darjah itu bagi sekolah-sekolah rendah luar bandar dapat disegerakan, walaupun sudah disenaraikan beberapa sekolah telah mendapat perhatian untuk penambahan bilik

darjah dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima, maka saya mintalah ditekankan supaya tambahan bilik darjah sekolah luar bandar itu dapat disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mengenai Kementerian ini sebagaimana soal jawab yang telah pun saya kemukakan bahawa banyak perkara yang mendukacitakan iaitu dalam perbualan saya dengan Menteri berkenaan bahawa perlesenan yang diberikan kepada pemaju-pemaju perumahan itu adalah setelah ditengok pelan-pelannya sudah diluluskan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan baru lesen itu dikeluarkan oleh Kementerian. Tetapi apa yang mendukacitakan sekarang ini, kerana hendak mencari kekayaan, hendak mencari kemewahan dengan tidak menghirakan kesusahan kawasan-kawasan di sekelilingnya terutama sekali yang duduk di sekeliling itu ialah orang-orang miskin, orang-orang kampung, kemudian timbul projek perumahan.

Apa yang mendukacitakan ialah syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Kementerian itu langsung tidak dihormati, manakala syarat-syarat itu tidak dihormati, maka banyaklah kecemaran, banyaklah perkara-perkara yang tak patut berlaku akan berlaku. Umpamanya, bangunan-bangunan yang dibuat itu adalah tidak mengikut syarat-syarat yang dikehendaki oleh pihak Kementerian.

Yang pertama sekali saya nampak iaitulah tentang untuk meratakan tanah-tanah untuk bangunan tersebut. Jadi nampaknya kalau kita tanya, undang-undang yang ada itu, kalau sekiranya tanah itu dia terkena sungai hendaklah dibentangkan terlebih dahulu, setelah siap perbentengan dan sudah disahkan oleh pihak yang berkenaan, barulah boleh dididkan rumah.

Sekarang ini tidak, syarat-syarat langsung tidak dihormati, hasilnya sungai yang di tepi tanah yang ditolak itu tadi akan ditimbunkan oleh tanah dan akan tohorlah sungai-sungai yang tersebut. Yang menjadi penyiksaan ialah mereka yang tinggal di sekitar kawasan itu. Umpamanya, sampai sekarang ini musim hujan, dahulu kalau hujan tiga-empat jam tidak ada timbul air akan naik atau banjir kilat akan berlaku. Tetapi manakala sudah ada projek perumahan itu, hujan satu-dua jam, air sudah menderu datang memenuhi kawasan-kawasan perumahan di sekeliling kawasan projek itu.

Dan begitu juga rumah-rumah yang duduk di bawah naungan bukit yang telah ditolak tadi, apabila hujan, dia turun, maka tanah lumpur tadi akan datang dengan sendirinya dibawa oleh arus air hujan tadi, memenuhi kawasan-kawasan rumah mereka yang duduk di kawasan itu. Manakala kita bawakan perkara ini kepada Pegawai Daerah, Pegawai Daerah cuba untuk hendak menyelesaikan pihak pemaju langsung tak peduli.

Jadi dengan sebab itu, banyak kerosakan yang berlaku. Satu daripadanya dalam kawasan tempat saya tinggal, bukanlah kawasan pilihanraya saya, kerana kita tak ada kawasan. Ada orang Dewan Rakyat sudah komplek kita. Dia kata orang Dewan Negara ini banyak cakap kawasan, macam dia ada kawasan. Kita memang tak ada kawasan yang sebenarnya, tetapi kawasan tempat kita tinggal. Dia salah dengar. Sebenarnya, kita tak ada kawasan, kita ada kawasan tempat kita tinggal, kalau ini pun tak dibenarkan cakap, susahlah kita. Jadi maknanya kawasan tempat saya tinggal itu larian air daripada ketiga-tiga projek perumahan itu betul-betul ditumpukan pembuangan air itu dalam kawasan perkampungan orang Melayu.

Jadi sampai sekerat itu dia berhenti, dia tidak ada talian parit itu sampai kepada sungai. Ini yang menjadi masalah. Manakala kita jumpa Majlis Daerah. Majlis Daerah pun genyit mata dengan kita, kita kata macam mana tak boleh buat, dia kata susah hendak cakap dengan pemaju. Macam mana kita kata susah, jangan beri sijil kebenaran untuk meluluskan tempat rumah tinggal itu, CF itu jangan dibagi, kenapa dibagi? Dia kata kerana pemaju mendesak. Jadi itulah masalah yang timbul. Saya pun tak tahu macam mana hendak cakap lagi, tak tahulah.

Dan satu lagi masalah perumahan ini, kuota 30% peruntukan bagi bumiputera. 30% peruntukan bagi bumiputera ini, saya nampak pun tak sampai kepada matlamat. Ini kebanyakan kawan-kawan pun bertanya perkara ini juga. Tak sampai kepada matlamat, sebab ada banyak penipuan yang dibuat oleh pemaju. Dalam penyelidikan kita ada di antara pekerja-pekerja itu telah diberikan nama untuk hendak mencukupkan 30% kemudian besok pemaju beli balik kepada orang itu. Berilah duit seribu-dua untuk tumpang nama. Ini berlaku. Jadi saya ingin mencadangkan supaya rumah-rumah peruntukan 30% in manakala diberikan kepada bumiputera, geran dia itu dibawa ke Pejabat Tanah, cap sebagai hakmilik bumiputera yang tak boleh jual kepada orang lain. Kalau hendak jual, jual kepada bumiputera. Ini boleh kekal. Jadi sijil tanah itu ataupun geran tanah lot itu bahawa ke Pejabat Tanah, buka kemudian kita cap, bagi dia situ Hak Orang Melayu, tak boleh jual kepada pihak orang lain. Itu boleh kekal kawasan untuk 30% orang Melayu, tetapi kalau macam keadaan hari ini, gantung 30% untuk orang Melayu terawang-awang begitu, kemudian manakala orang itu dapat rumah lain, dia dengar rumah itu boleh laku, lebih kurang untung sedikit dia pun jual, dia pun cabut, kesudahannya tak ada lagi orang

Melayu dalam kawasan perumahan itu. Ini yang menjadi kebimbangan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dengan sebab itu, saya ingin mencadangkan supaya peruntukan 30% kepada bumiputera dalam projek perumahan itu, hakmilik itu hendaklah ditetapkan sebagai hakmilik bumiputera.

Selain daripada itu, dalam masalah perumahan ini juga keadaan kebersihan dan sebagainya, ini di bawah Kementeriari Alam Sekitar. Jadi masalahnya iaitu pemaju hendaklah memberikan perlindungan keselamatan kepada kawasan-kawasan di kelilingnya. Apa yang berlaku kepada keluarga saya yang duduk hampir di situ iaitu dalam letupan batu yang berlaku baru-baru ini, batu itu telah melambung jatuh kena atap orang kampung—atap zing, ditimpa batu besar itu dan terus

tembus. Macam peluru dia datang, bila dia jatuh itu betul-betul jatuh pada tempat buaian anak dia. Nasib baik anak dia itu, Tuhan izinkan, pada ketika itu dia ambil anak dia, dia bawa keluar, masa itu batu itu datang. Apabila jatuh batu itu ke lantai, dia melantun pergi ke peti ais, peti ais itu berlubang terus. Cuba fikirkan, kalau ada budak dalam.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, masa untuk perbahasan sudah cukup dan Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan sidang Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang hari esok, hari Selasa 10hb Disember, 1985.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.